


**Jilid II  
Bil. 52**



**Hari Khamis  
27hb November, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA  
*Second Session***

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6359]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981;**

**Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 39 [Ruangan 6386]**

**Maksud B. 40 hingga B. 46 [Ruangan 6422]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1981;**

**Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—**

**Maksud P. 39 [Ruangan 6386]**

**Maksud P. 41, P. 42, P. 45 dan P. 46 [Ruangan 6423]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- ” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).

- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHMAN BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI STRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD .TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIANG HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HASHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL BIN MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).

**Yang Berhormat DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).**

- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).

„ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

„ TUAN TAN KOON SWAN A.M.P., J.P. (Raub).

„ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ TUAN TING CHEK MING (Bruas).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).

„ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).

„ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).

„ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD.

„ JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).

„ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Khamis, 27hb November, 1980**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KUMPULANWANG KEMAJUAN  
ASEAN KESATUAN EROPAH**

**1. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bahawa kebelakangan ini Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju akan perubahan Kumpulanwang Kemajuan ASEAN Kesatuan Eropah; apakah tujuan kumpulanwang ini dan siapakah hendak mengadakan tabung wang seumpama itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan Kumpulanwang Kemajuan ASEAN-Kesatuan Eropah itu ialah untuk digunakan bagi mengadakan penyelidikan ke atas projek-projek yang hendak ditempatkan di negara-negara ASEAN iaitu untuk membantu perbelanjaan bagi Kajian Awal Pelaburan (Reinvestment Studies), Kajian Kemungkinan Awal (Pre-feasibility Studies) dan Kajian Kemungkinan (Feasibility Studies).

Bentuk sumbangan kepada Kumpulanwang Kemajuan ASEAN-Kesatuan Eropah adalah seperti berikut:

(a) Jika penyelidikan itu dibuat untuk sebuah negara ASEAN sahaja yang mana akan menguntungkan negara itu maka negara tersebut hendaklah menyumbang sebanyak 20% daripada kos projek itu dan yang lebihnya akan

dibiayai oleh Kesatuan Eropah. Sumbangan negara ASEAN itu adalah dari Kerajaan ataupun dari pihak swasta yang mendapat faedah dari projek itu; dan

(b) Jika projek penyelidikan itu diusul atau diusahakan oleh Kesatuan Eropah maka negara-negara ASEAN tidak perlu membuat sumbangan kepada tabung kewangan berkenaan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah kumpulanwang Kemajuan ASEAN-Kesatuan Eropah akan memberi faedah kepada negara Malaysia dan sehingga sekarang berapa buah projek penyelidikan yang hendak dijalankan di negara Malaysia di mana kita telah membuat permohonan daripada kumpulanwang itu.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak ASEAN telah membuat perhubungan dengan pihak Kesatuan Eropah melalui ASEAN/BRUSSELS Committee dan adalah difahamkan bahawa pihak Kesatuan Eropah ini telah bersetuju dengan prinsipnya tentang penubuhan tabung tersebut.

Dalam satu mesyuarat Joint Corporation Committee ASEAN/EEC yang akan diadakan di Manila pada tahun hadapan akan dibincang butir-butir pelaksanaan tabung ini.

**KENAIKAN GAJI PEGAWAI SEKTOR  
AWAM**

**2. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kenaikan gaji untuk pegawai-pegawai dalam sektor awam patut diberi perhatian lebih berat. Sedarkah Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Kerajaan sedang memberi perhatian mengurangkan jurang di antara yang berada dan yang tidak

ada tetapi sebaliknya melaksanakan polisi-polisi yang bertentangan dalam mana kenaikan yang diberi kepada Kumpulan A—Tingkatan Khas G dan atas adalah sangat lebih daripada yang diberi kepada yang lain. Nyatakan dasar apakah kenaikan ini diasaskan.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat menyemak susunan gaji baru tentulah beliau akan sedar bahawa kenaikan bagi golongan rendah adalah lebih tinggi peratusannya dari yang berpangkat tinggi. Tetapi oleh kerana gaji asasnya adalah tinggi maka kenaikan bagi mereka yang berpangkat tinggi secara absolute tentulah menjadi lebih tinggi. Saya ingin tahu di mana adanya negara yang kenaikan gaji kumpulan yang berpangkat tinggi secara absolute adalah sama ataupun rendah dari yang bergaji rendah. Di negara Komunis dan Sosialis juga perkara ini tidak dapat diamalkan.

Jika Ahli Yang Berhormat membayar gaji pegawai-pegawainya mengikut kadar ini, kemungkinan ialah tidak siapa mahu bekerja di pejabatnya melainkan Budak Pejabat sahaja.

### PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI JORDAN

**3. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah keputusan persidangan tergempar negara-negara Islam di Amman, Jordan, dan persidangan negara-negara Islam yang lain baru-baru ini supaya ahli-ahlinya memutuskan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang mempunyai wakilnya di Jerusalem; dan
- (b) adakah Malaysia bercadang turut serta dan membuat sekatan ekonomi terhadap negara-negara tertentu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan seakan-akan soalan ini di Dewan yang mulia ini pada 25hb November, 1980 yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit. Saya tidak berniat untuk membuat apa-apa tambahan.

### POLITIK PERKAUMAN DALAM PARTI

**4. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kaum Cina berpadu di bawah M.C.A., kaum Melayu berpadu di bawah U.M.N.O., dan kaum India berpadu di bawah M.I.C. adalah perkauman dan tidak menyenangi dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa kita ini dan sama ada cogan kata seperti itu adalah isu sensitif yang boleh memusnahkan muhibbah antara kaum dan jika ya, sama ada beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap orang-orang perkauman itu.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat dukacita dan kesal dengan sikap Parti Pembangkang khususnya DAP yang masih tidak memahami atau sengaja tidak mahu memahaminya, walaupun telah berkali-kali saya menjawab soalan seperti itu di Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat itu masih tidak mahu menerima hakikat bahawa bukan seruan yang penting tetapi amalan yang dibuat. DAP sendiri lebih memainkan politik perkauman yang lebih ketara jika dibandingkan dengan lain-lain parti. Jika MCA, MIC dan UMNO menyeru kepada perpaduan masing-masing kaum di dalamnya, ini ialah untuk memudahkan kaum-kaum ini bekerjasama dalam Barisan Nasional. Sebaliknya, sementara DAP tidak menyeru kepada perpaduan kaum Cina di dalam hakikatnya ialah Parti DAP bukan sahaja merupakan parti chauvinistic Cina tetapi isu-isu yang dibangkit oleh DAP menyusahkan lagi perpaduan kaum dan menyekat kerjasama orang-orang Cina dengan kaum-kaum lain. Tanpa DAP, MCA tidak perlu berhati-hati dalam soal yang chauvinistic dan UMNO tidak perlu bersikap kemelayuan yang extreme. Dengan perkataan lain jika tidak kerana DAP racialism tidak akan jadi masalah dan kesederhanaan akan berkembang di kalangan semua kaum.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana DAP yang dikatakan yang merupakan parti perkauman yang ketara sekali di dalam negara kita ini, adakah benar parti Barisan Nasional ini merupakan parti yang menyelaras segala interest atau matlamat parti di dalam komponennya agar

tidak menyentuh kaum-kaum lain dan Barisan Nasional juga merupakan konsep yang paling sesuai sekali di negara kita yang berbilang kaum.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, memang nyata bahawa Barisan Nasional ialah parti yang menyelamatkan masalah-masalah perbalahan antara kaum dan Barisan Nasionallah parti yang tersesuai sekali di dalam Malaysia ini buat selama-lamanya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa konsep seperti kaum Cina bersatu di bawah MCA, kaum Melayu di bawah UMNO dan kaum India di bawah MIC boleh membawa satu suasana yang tidak sihat, satu suasana perkauman dan boleh menjadi satu penghalang terhadap integrasi kebangsaan. Tidakkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa salah satu cara untuk membawa integrasi kebangsaan ialah dengan konsep supaya rakyat Malaysia patut bersatu-padu dan bukan kaum hendak bersatu-padu?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia terkenal seluruh dunia sebagai sebuah negara yang sejak kemerdekaannya bukan sahaja mencapai kemajuan yang pesat, tetapi terkenal sebagai sebuah negara yang amat stabil sekali. Kalau pada ketika ini ada soal perkauman berbangkit, ini ialah kerana kegiatan DAP sepanjang masa.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada benar bahawa sebilangan besar rakyat Malaysia adalah tidak bersifat perkauman walaupun mereka ini menjadi ahli parti-parti yang bernama Melayu, Cina, India dan sebagainya, tetapi sebahagian besar daripada mereka tidak bersifat perkauman dan mereka mulai menolak fikiran-fikiran perkauman seperti yang selalu didatangkan oleh parti DAP dan bukti yang nyata daripada hakikat bahawa orang-orang Malaysia menolak fahaman perkauman sempit yang diamalkan oleh DAP itu ialah kemenangan Barisan Nasional di Pengkalan Kota baru-baru ini.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, benar.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebenarnya adakah benar seama ini masyarakat Cina ini telah hidup begitu berpadu di dalam masyarakat sebetum lahirnya parti DAP, tetapi apabila lahirnya parti DAP, parti inilah yang memecahkan perpaduan kaum Cina?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufek bin Haji Asneh.

**Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 5.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu.

#### LEBUHRAYA SABAH/SARAWAK

**5. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bilakah Lebuhraya Sabah/Sarawak dapat dilaksanakan pembinaannya;
- (b) bilakah lebuhraya-lebuhraya di Sabah dapat disiapkan; dan
- (c) adakah Jalanraya Beaufort/Menumbok sudah diambilalih oleh Kerajaan Pusat sebagai salah satu lebuhraya.

**Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Suatu kajian sudahpun dijalankan mengenai cadangan itu dengan bantuan dari Kerajaan Negeri Jepun. Laporan mengenai kajian kemungkinan projek tersebut telahpun disediakan dan kajian lebih lanjut mengenai cadangan itu sedang dalam tindakan. Berasas kepada kajian lebih lanjut itu suatu keputusan akan diambil oleh Kerajaan terhadap cadangan itu.
- (b) Pada masa ini terdapat tiga projek lebuhraya besar yang sedang dilaksanakan di Sabah. Persiapan projek-projek itu adalah dijadualkan seperti berikut:

- (i) Lot 1 dan 2 Jalanraya Papar-Sindumin telahpun siap pada 29hb Oktober, 1980.

- (ii) Lot 3 Jalanraya Lahad Datu-Giram Estate dan Lot 4 Jalanraya Giram Estate-Pegagu River. Lot 3 dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1983 dan Lot 4 dijangka akan siap pada pertengahan tahun hadapan.
  - (iii) Package 1, 2 dan 3 Jalanraya Tamparuli-Ranau akan disiapkan pada pertengahan tahun 1982.
- (c) Projek menaikkan taraf dan menurap Jalan Beaufort/Menumbok akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Keempat tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

### JENTERA KERAJAAN

**6. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang memberhentikan amalan menggerakkan jentera-jentera Kerajaan untuk membantu calon-calon UMNO di dalam pilihanraya seperti yang diamalkan di tahun-tahun yang lalu khususnya di dalam pilihanraya kecil Kuala Besut berdasarkan kepada pengakuan UMNO Trengganu sendiri seperti berikut:

- (a) perbelanjaan Barisan Nasional sangat besar selain dari perbelanjaan oleh Jabatan Penerangan Kemas dan lain-lain;
- (b) Kerajaan dengan serta-merta menubuhkan Stesyen Petronas untuk menahan kekurangan disel di kawasan itu dan pembukaan rasmi projek-projek lain; dan
- (c) dengan demikian boleh dianggap bahawa Kerajaan telah belanja dalam lingkungan X ringgit untuk seorang calon UMNO:
  - (b, c, d) lihat kertas politik, Konvensyen UMNO Trengganu, pada 10-5-80 m.s. 7-8.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa menggerakkan jentera-jentera pentadbirannya baik sebelum diadakan sesuatu pilihanraya, selepas diadakan pilihanraya ataupun pada masa tidak ada pilihanraya.

Jentera-jentera Kerajaan sentiasa berjalan tetapi ada kalanya jentera-jentera ini perlu

dipergerakkan dengan lebih giat lagi lebih-lebih lagi sewaktu menjelang sesuatu pilihanraya, umpamanya, di bidang penerangan tentang dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan kerana pada masa inilah juga pihak Pembangkang akan mengambil peluang bukan sahaja untuk mengancam parti yang bertanding tetapi juga Kerajaan dengan berbagai tuduhan yang memesongkan fahaman rakyat tentang dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan. Jentera-jentera Kerajaan seperti Jabatan Penerangan, Kemas dan lain-lain digunakan semata-mata untuk menerangkan dengan jelas supaya propaganda parti Pembangkang dipatah melalui maklumat yang benar.

Penubuhan stesyen PETRONAS di kawasan berkenaan secara kebetulan bertembung dengan masa pilihanraya kawasan itu yang menghadapi masalah kekurangan minyak disel memang berkehendakkan kemudahan itu. Jika tidak ditubuhkan maka sudah tentu ini akan menjadi bahan kempen parti PAS.

Soal mengenai perbelanjaan oleh Kerajaan untuk sesuatu pilihanraya seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling itu tidaklah timbul kerana selagi Kerajaan terus menggerakkan jenteranya dan mengadakan projek-projeknya untuk kepentingan rakyat, selagi itulah Kerajaan terpaksa berbelanja. Jika PAS tidak suka Kerajaan membelanjakan wang untuk rakyat di mana-mana waktu, PAS harus beritahu rakyat bahawa PAS tidak suka Kerajaan membantu rakyat dan jangan jadikan perkara ini bahan politik.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lagi mengenai (c) dan ini bukanlah sebagai satu tuduhan daripada saya, tetapi ialah suatu kenyataan yang diakui oleh UMNO Trengganu sendiri dalam kertas kerjanya itu dan bahagian inilah yang saya hendak lebih lanjut penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan bahawa Kerajaan memang membelanjakan wang di waktu pilihanraya ataupun sebelum pilihanraya. Kalau dalam perbelanjaan ini maka seseorang calon yang bertanding mendapat keuntungan dari segi popularitinya, itu adalah suatu yang terjadi tanpa disengajakan oleh pihak Kerajaan.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, dari soalan asal (b) nampaknya PAS tidak merestui pembangunan dijalankan. Jadi soalan saya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah Kerajaan bercadang hendak membangunkan kawasan yang diwakili oleh parti-parti pembangkang seperti DAP dan PAS ataupun sebaliknya apabila kita sudah menang dan rakyat di sana memberi kepercayaan kepada kita, kita lipatgandakan pembangunan di tempat itu?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sementara pihak PAS mengecam perbelanjaan Kerajaan untuk menolong rakyat pihak PAS juga tidak menyatakan bahawa dianya tidak mahu kepada pembangunan dan ianya juga suka menggunakan alasan bahawa kalau kita memberikan pembangunan itu tidak berguna tetapi kalau kita tidak memberi pembangunan maka itu adalah satu perkara yang salah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa dokumen yang disebut dalam soalan No. 6 ini adalah satu dokumen sulit yang hanya dibahagikan pada ahli-ahli dan orang-orang yang berkenaan sahaja dan sama ada Yang Amat Berhormat bersetuju dengan saya bahawa perbuatan menyebarkan maklumat yang terkandung dalam laporan itu merupakan satu pencurian maklumat dan setiap perbuatan mencuri itu ditegah oleh Islam.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak yang bertanya dan pihak yang terlibat juga faham ugama Islam, tak payahlah saya terangkan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebenarnya apa yang dilakukan oleh UMNO pernah dilakukan oleh Kerajaan PAS semasa memerintah Kelantan dahulu bahkan lebih teruk lagi digunakan. Jadi saya ingin tahu apakah yang kita lakukan ini ialah sebenarnya kita belajar daripada apa yang PAS telah buat selama ini.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan kita terpaksa belajar daripada orang lain juga.

## PERUMAHAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA

**7. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah yunit-yunit rumah yang dijangka tidak dapat disiapkan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) bagaimana Kementerian jangka akan mencapai sasarannya mendirikan satu juta rumah baru di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang merupakan sebanyak 80% pertambahan berbanding dengan cita-cita RMK bersabit dengan lapangan pembinaan rumah;
- (c) setakat manakah penyiasatan telah dijalankan dalam negeri ini (jika ada) mengenai rumah harga rendah dan setakat mana cara-cara pembinaan lebih cepat telah menolng atau akan menolng menyelesaikan masalah "backlog" pembinaan rumah; dan
- (d) adakah Kerajaan akan menerima dasar menanggung sepenuhnya beban perumahan harga rendah bagi golongan berpendapatan rendah supaya pihak swasta menumpukan sumber-sumbernya ke arah menampung pembinaan rumah bagi golongan berpendapatan menengah. Jika tidak, kenapa.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan tersebut memerlukan jawapan yang panjang, saya mohon izin jawapan tersebut dihantar kepada Yang Berhormat itu secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebaik-baiknya.

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 adalah seperti di bawah ini)*

**Dato' Dr Neo Yee Pan:**

- (a) Berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan program perumahan sektor awam dan swasta, Rancangan Malaysia Ketiga, bilangan yunit yang dijangka akan siap pada 31hb Disember, 1980 ialah 404,654 yunit atau 73.1%. Ini bermakna yunit-yunit rumah yang tidak dapat disiapkan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah 148,673 yunit.

- (b) Walaupun pernah diumumkan bahawa keperluan rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ialah lebih kurang satu juta tetapi keperluan sebenarnya tidaklah begitu tinggi. Ini ialah kerana angka ini mengambil kira "backlog", penambahan penduduk dan gantian kepada rumah yang ada sahaja.

Jadinya makluman mengenai bilangan rumah yang sedia ada sekarang (termasuk rumah setinggan) hanya akan diperolehi selepas data Banci Perumahan 1980 selesai diproses. Saya percaya angka sebenar adalah lebih rendah daripada apa yang telah dianggarkan. Sasaran program perumahan sektor awam, khususnya perumahan awam kos rendah belum lagi ditentukan. Bilangan yunit yang dibina adalah bergantung kepada peruntukan yang akan diberi. Walau bagaimanapun besar kemungkinannya sasaran yang akan diberi adalah lebih tinggi daripada sasaran untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

Untuk mencapai kemajuan pelaksanaan yang lebih baik, Kerajaan akan menentukan kesesuaian tapak lebih awal lagi supaya projek Rancangan Malaysia keempat dapat berjalan lebih awal lagi. Kerajaan telahpun menyediakan geran sebanyak \$2.2 juta untuk membiayai kerja pengukuran oleh pihak swasta. Dengan cara demikian, kekurangan jurukur Kerajaan tidak lagi menjadi masalah bagi pelaksanaan projek rumah awam kos rendah. Tabung Kumpulan Wang Pusingan bagi tiap-tiap negeri juga telah ditambahkan dari 5 juta kepada \$20 juta. Ini adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri mengambil balik tanah milik supaya menyimpannya dalam suatu Tabung Tanah (Land bank) untuk digunakannya dalam projek-projek perumahan awam kos rendah bila sahaja diperlukan. Tabung Kumpulan Wang Pusingan juga boleh digunakan untuk membayar kos-kos penyediaan tapak perumahan awam kos rendah. Yunit Perancangan Perumahan di peringkat Kementerian dan peringkat negeri akan juga diperkukuhkan.

- (c) Penyelidikan terhadap rumah kos rendah ada dijalankan di Kementerian saya, dari segi konsep rumah awam kos rendah, costing secara detail mengenai

pembinaan bentuk rumah yang paling popular dan dari segi bentuk atau pelan yang sesuai dilaksanakan. Apabila Kementerian saya dapat menubuhkan suatu Jabatan Penyelidikan Perumahan, lebih banyak lagi penyelidikan mengenai berbagai aspek Perumahan akan dapat dijalankan.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat setakat manakah cara-cara pembinaan lebih cepat akan menolong menyelesaikan masalah "backlog" pembinaan rumah, sukacita dimaklumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengkaji beberapa cara pembinaan teknologi baru dan akan mengalakkan cara-cara yang sesuai di antaranya untuk menghadapi masalah tersebut. Dengan menggunakan cara-cara baru itu Kementerian berharap yunit-yunit rumah dapat disiapkan dengan lebih cepat lagi daripada cara yang diamalkan sekarang.

- (d) Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan satu dasar perumahan di mana Kerajaan menanggung sepenuhnya beban perumahan harga rendah untuk golongan berpendapatan rendah. Ini ialah kerana keperluan rumah oleh rakyat berpendapatan rendah adalah lebih tinggi dari apa yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan melalui peruntukan pembangunan yang dibekalkan.

Oleh yang demikian, pihak swasta perlulah memainkan peranan mereka untuk membina lebih banyak rumah harga rendah. Bagi tujuan ini ada dua peraturan yang telah sedia ada, yakni peraturan pentadbiran yang dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sebelum meluluskan permohonan ubah-syarat dan permohonan geran dari pemaju swasta. Di sini 30% daripada rumah yang dibina mestilah berbentuk rumah kos rendah. Satu lagi peraturan ialah berbentuk kemudahan di mana pemaju swasta boleh mendapatkan "bridging finance", daripada Malaysia Building Society Berhad (MBSB).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 8.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang adalah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kuaia Lumpur Bandar.

### GETAH ASLI—PENGELUARAN

**8. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama, menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil untuk menambah pengeluaran getah asli memandangkan angka-angka pengeluaran dalam tahun-tahun yang lepas baru-baru ini kian menurun dan juga ia adakah satu perkara yang amat penting kerana bukan sahaja ia akan mengujudkan pekerjaan dan pendapatan di kawasan luar bandar tetapi juga akan menjadi "foreign currency earner" yang utama bagi negara.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa memandang berat tentang perkembangan perusahaan getah negara ini di mana di beberapa tahun kebelakangan didapati pengeluarannya adalah "stagnant" atau menjatuh sedikit. Memandangkan kepentingan getah asli kepada ekonomi kita prioriti tinggi adalah diberikan terhadap usaha-usaha untuk membaiki keadaan ini. Memandangkan kepada prospek yang baik bagi getah asli, Kementerian saya sedang dan akan mengambil daya usaha yang positif bagi menambahkan pengeluaran getah asli.

Dalam hubungan ini, Kementerian saya telah merangka satu polisi "Dasar Pengeluaran Dinamik" bagi Perusahaan Getah Malaysia, untuk mengembangkan lagi pengeluaran getah negara di dalam jangka pertengahan dan jangka panjang.

Insentif tambahan serta bantuan untuk menambahkan pengeluaran getah telah diberikan khususnya bagi sektor pekebun kecil. Ini termasuklah kenaikan kadar bantuan tanam semula dan kemudahan pinjaman kepada sektor kebun kecil seperti yang diumumkan di dalam Belanjawan 1981. Tambahan pula Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sedang giat berusaha untuk mempercepatkan tanaman semula seperti di bawah konsep estet-mini.

Semenjak Belanjawan 1980 diumumkan, eksport duti ke atas getah telah berkurangan dengan diperkenalkan konsep Cost-plus dan juga polisi menghadkan kadar kenaikan

eksport duti bagi setiap kenaikan harga. Dalam Belanjawan 1981 yang diumumkan baru-baru ini, kedudukan eksport duti telah diperbaiki lagi dengan wujudnya asas pengiraan eksport duti berdasarkan beberapa gred getah yang telah menggantikan asas yang lama yang hanya berdasarkan kepada gred RSS 1 sahaja. Pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan kebanyakan getah di bawah RSS 1, tentu akan mendapat manfaat yang baik. Perubahan-perubahan ke atas cukai eksport yang dibuat dalam kedua-dua belanjawan tersebut, akan memberi perangsang kepada pengeluar-pengeluar untuk menambah pengeluaran getah mereka.

Pembukaan tanah-tanah bagi menambahkan keluasan tanah getah adalah satu elemen yang sangat perlu kepada rancangan keseluruhannya untuk menambahkan pengeluaran. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah dicadangkan bahawa kelulusan tanah tambahan patut dibuka bagi tanaman getah.

Menambahkan daya pengeluaran merupakan satu lagi bidang yang diberi penekanan. Dalam konteks ini, program-program penyelidikan dan pembangunan akan dipusatkan dan perluasan hasil-hasil penyelidikan akan diperbaiki terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil. Untuk menentukan yang hasil-hasil penyelidikan disebarikan secara berkesan di kalangan pekebun-pekebun kecil, satu pasukan petugas mengandungi pegawai-pegawai Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan RISDA telah dibentuk.

Kekurangan tenaga buruh juga merupakan satu masalah yang rumit yang dikatakan wujud di dalam sektor getah. Oleh itu saya telah mengarahkan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) dan RRIM di bawah Kementerian saya untuk mengkaji dengan mendalam masalah ini dan mengesyorkan cadangan-cadangan yang wajar. RRIM juga telah diarahkan untuk memberi keutamaan ke atas penyelidikan-penyelidikan ke arah teknologi penjimatan tenaga buruh supaya dapat digunakan di kawasan-kawasan yang berlaku kekurangan tenaga buruh.

Penubuhan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA), nescaya akan memberikan manfaat kepada pengeluar-pengeluar di mana perjanjian tersebut akan menolong memperlindungan harga getah pada tingkat harga yang menguntungkan.

Kementerian saya yakin bahawa langkah-langkah yang telah dinyatakan di atas akan memberikan pertumbuhan yang menggalakkan kepada industri getah Malaysia bagi memenuhi pertumbuhan permintaan dunia terhadap barangan yang mustahak ini.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Menurut Yang Berhormat Menteri berkenaan Kerajaan telah mengambil langkah-langkah menggalakkan peningkatan keluaran getah tetapi adakah beliau sedar langkah-langkah itu tidak mencukupi oleh kerana jika dibandingkan dengan keluaran kelapa sawit, keluaran getah adalah kurang kerana kelapa sawit adalah lebih menguntungkan sebagaimana juga harga koko. Adakah Kementerian berkenaan bersedia memberikan lebih banyak insentif kepada tanaman getah?

Kedua, dihadkan ladang-ladang besar mengubah syarat tanaman kepada kelapa sawit oleh kerana mencari keuntungan lebih banyak daripada tanaman kelapa sawit dan tidak membenarkan ubah syarat getah kepada kelapa sawit.

Soalan ketiga, langkah-langkah yang boleh diambil oleh FELDA jangan lagi menambah tanaman kelapa sawit tetapi menambah tanaman getah.

**Dato' Paul Leong Kee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kedudukan itu kerana pada masa dahulu harga getah mengalami harga yang tidak baik pada tahun 1960an sehingga awal 1970an tetapi semenjak krisis minyak pada tahun 1973 harga getah adalah baik kalau dibandingkan dengan harga bahan-bahan yang lain dan saya telah mengatakan pada masa dahulu iaitu masa hadapan getah asli adalah cerah. Oleh sebab itu saya harap pada masa akan datang Malaysia boleh menambahkan pengeluaran getah asli.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dan Kementeriannya atas usahanya yang sungguh-sungguh sehingga sekarang harga getah kita sudah stabil dan pada paras yang amat menyenangkan. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa masalah pengeluaran getah kita sekarang bukanlah lagi masalah harga dan masalah menambah tanaman dan sebagainya, tetapi masalahnya banyak getah-getah yang ada

sekarang ini tidak ada tenaga buruh untuk menoreh mengeluarkan susu getah itu. Misalnya di Trengganu ada 1,000 ekar lebih kebun getah yang sudah ditanam sudah matured, tetapi tidak ada siapa yang hendak menoreh getah kerana anak-anak muda sekarang tidak berminat lagi untuk menoreh getah. Apakah langkah-langkah Kementerian Perusahaan Utama untuk mempercepatkan kerja-kerja menyelidik mengenai cara-cara menoreh getah yang lebih moden dan lebih saintifik supaya orang-orang muda sekarang lebih tertarik kepada pekerjaan menoreh getah.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menggunakan teknik yang baru untuk menjimatkan tenaga kerja di ladang-ladang getah dan kebun-kebun getah. Langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini perlu diambil seperti di bawah ini:

Dengan memaju dan melaksanakan teknologi menjimatkan tenaga kerja. Pekebun-pekebun kecil boleh menggunakan "ethrel" untuk menjimat tenaga buruh, di samping menambahkan pengeluaran getah. Selain daripada itu teknik torehan cucuk (puncture tapping) yang diusahakan pada masa ini merupakan salah satu teknologi yang boleh digunakan mungkin bagi mengurangkan tenaga buruh sebanyak 40% hingga 60%.

Selain daripada itu Kementerian saya sedang mengkaji masalah berhubung dengan kekurangan tenaga kerja di ladang-ladang getah dan kebun-kebun getah, tetapi kajian ini belum disiapkan dan bila kajian ini telah disiapkan saya akan mengemukakan satu Kertas Kerja kepada Jemaah Menteri untuk mengkajikan masalah ini.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri sedang mengkaji cara bagaimana hendak menambah tenaga. Jadi saya ingin tahu di masa penjajah dahulu Kerajaan British mengimport orang-orang Tamil daripada South India untuk bekerja di ladang getah. Jadi adakah Kementerian ini bercadang berpakat dengan Kementerian yang lain, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri umpamanya, mengimport orang-orang daripada Indonesia yang mahir dengan kerja getah ini untuk bekerja di Malaysia?

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Masalah ini tidak ditimbulkan, oleh kerana saya mesti mendapat satu kajian yang mendalam.

### PROJEK PEMBANGUNAN UTAMA

**9. Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan peratus projek pembangunan utama Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang berjaya disiapkan dan peratus Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan maksud "projek pembangunan utama" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Namun demikian bagi menjawab soalan ini, saya ertikan sebagai projek-projek besar asas yang mana kos tiap-tiap satu bernilai \$1 juta atau lebih. Jika digunakan maksud ini maka bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 66.5% telah siap. Yang bakinya kira-kira 33.5% akan dibawa atau diteruskan pelaksanaannya sehingga siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan projek-projek besar yang membawakan kemunduran ataupun kegagalan Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak sampai kepada matlamatnya.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, saya pernah menerangkan, walau bagaimanapun antara sebab-sebab ialah masalah terutama sekali tanah. Yang kedua, masalah bahan-bahan binaan yang berkurangan. Yang ketiga, ialah masalah kadang-kadang cuaca yang kurang baik dan beberapa masalah lain lagi yang boleh menyebabkan berkurangnya pencapaian seperti yang saya terangkan tadi.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga dahulu pun Kerajaan pernah menyatakan bahawa Kerajaan akan melengkapkan segala tenaga pekerja dan juga jenteranya supaya Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dicapai dengan sepenuhnya. Jadi soalan saya dengan

bertambahnya peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan dengan backlog dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, adakah benar-benar Kerajaan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang serius supaya perkara-perkara yang telahpun berlaku dalam melambatkan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak akan berlaku dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk memastikan lagi bahawa pencapaian pelaksanaan projek-projek pembangunan akan lebih berkesan lagi di masa akan datang.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut ada lagi masalah-masalah lain yang menyebabkan kegagalan dalam melaksanakan projek. Adakah ini termasuk sebab yang Kerajaan terpaksa membuat sesuatu projek kawasan itu demi untuk kepentingan orang ramai, tetapi telah tidak diterima atau telah dihalang oleh orang lain yang tidak mahu projek itu dijalankan dengan sebab-sebab tertentu?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin salah satu daripada sebabnya ialah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

### PENANGGUHAN PEMBEDAHAN DI HOSPITAL BESAR

**10. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar kes-kes pembedahan selalu ditunda sehingga kesihatan pesakit terancam kerana kekurangan pakar-pakar perubatan dan anaesthetist di Hospital-hospital Besar di seluruh negeri ini; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil supaya kesihatan dan kebajikan pesakit-pesakit akan diutamakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali kepada Yang Berhormat yang bertanya ini, bahawa tidak pernah terjadi sebarang penangguhan pembedahan bagi kes-kes kecemasan di Hospital-hospital Besar di negara ini. Akan tetapi bagi kes-kes yang memerlukan pembedahan

pilihan (elective surgery) yang mana didapati tidak merbahaya bagi nyawa pesakit masa menunggu memang terdapat pada umumnya di Hospital-hospital Besar disebabkan beban kerja yang banyak di hospital-hospital itu. Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa masa menunggu yang agak lama bagi kes-kes yang memerlukan pembedahan pilihan juga terdapat di negara-negara yang telah maju.

Walau bagaimanapun, sukacita saya menyatakan bahawa pada umumnya kes-kes pembedahan pilihan dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Hanya sebilangan kecil sahaja kes-kes ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kuasa hospital berkenaan. Sekiranya terdapat penangguhan, ini bukanlah semata-mata kerana kekurangan pakar bedah dan bius. Kejadian penangguhan yang berlaku adalah jua disebabkan oleh pesakit-pesakit sendiri yang tidak mengindahkan appointment-appointment mereka yang diberikan pada masa yang tertentu. Kadangkala pesakit tidak sesuai untuk dibius. Di samping itu kerap terjadi di mana pembedahan kecemasan terpaksa dijalankan, dan ini memakan masa yang telah dijadualkan untuk pembedahan kes-kes elektif dan kadangkala terjadi di mana darah yang disimpan untuk kegunaan kes-kes pembedahan pilihan digunakan untuk kes-kes kecemasan. Untuk pembedahan pilihan, kes-kes yang akan ditangguhkan diberitahu terlebih awal.

Ingin saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa tujuan utama Kementerian Kesihatan ialah kesihatan dan kebajikan pesakit-pesakit, dan keutamaan diberi kepada semua kes-kes pembedahan yang mana kadangkala kes-kes pembedahan elektif terpaksa ditangguhkan bagi membolehkan kes-kes pembedahan kecemasan dapat dijalankan untuk menyelamatkan nyawa.

### SUBSIDI KEPADA NELAYAN

**11. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini membuat kajian mengenai kemajuan nelayan yang diberi subsidi di seluruh negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telahpun menjalankan kajian penilaian ke atas nelayan-nelayan yang menerima subsidi daripada

Kerajaan. Hasil dari kajian tersebut menunjukkan bahawa pendapatan peserta bertambah sebanyak 25%. 60% daripada peserta-pesertanya memperolehi pendapatan lebih daripada \$250 sebulan.

### HOSPITAL DAERAH PASIR MAS

**12. Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah masalah besar yang sedang dihadapi menyebabkan pembinaan Hospital Besar Pasir Mas, Kelantan telah terlewat pembinaan menurut jadual.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kelewatan membina Hospital Daerah Pasir Mas adalah disebabkan oleh perancangan-perancangan terperinci dan kerja-kerja permulaan yang perlu bagi membina sesuatu hospital baru. Walau bagaimanapun, tawaran untuk projek itu telah dikeluarkan dalam bulan Oktober tahun ini dan pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 1981.

### LESEN MEMANDU MOTOSIKAL

**13. Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang melonggarkan syarat-syarat bagi memperolehi lesen memandu bagi motosikal ke bawah 70 cc. memandangkan kenderaan jenis ini kebanyakannya digunakan di jalanraya luar bandar oleh petani-petani dan pekerja-pekerja lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang melonggarkan syarat-syarat bagi memperolehi lesen memandu bagi motosikal ke bawah 70 cc. yang dijalankan sekarang.

Sistem ujian bagi mendapatkan lesen memandu yang ada sekarang ini bertujuan untuk menguji pengetahuan mengenai asas-asas memandu yang berpatutan dan yang perlu diketahui oleh setiap calon.

Objektifnya ialah di samping mengetahui undang-undang di jalanraya termasuklah tanda-tanda jalanraya, ia juga bertujuan membentuk sikap timbangrasa apabila memandu di jalanraya dan lebih-lebih lagi untuk menanam kesedaran tentang perlunya memandu kenderaan dengan selamat dan cermat.

Memandu kenderaan bermotor tidak mengira tempat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Di mana-mana sahaja seseorang itu memandu, soal memandu dengan penuh timbangrasa, cermat dan selamat hendaklah sentiasa dalam ingatan setiap pemandu-pemandu.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa dengan adanya kemajuan sama ada daripada segi ekonomi ataupun pembangunan di negara kita pada hari ini maka ramai sekali penduduk-penduduk terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar hari ini boleh memiliki motosikal dan motosikal ini digunakan oleh mereka ini untuk pergi bekerja dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah satu jalan yang dapat membolehkan mereka yang tinggal di luar bandar untuk mendapatkan lesen motosikal dengan lebih senang untuk membolehkan mereka ini pergi bekerja dengan lebih selisa lagi.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti kita telah bincangkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini pada saat ini Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan biasanya terdapat di ibu-ibu negeri. Walau bagaimanapun dengan adanya rancangan untuk membuka lagi pejabat-pejabat di daerah-daerah yang lain dan ini adalah merupakan satu langkah untuk menolok bakal pemandu kenderaan bermotor.

Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak dapat melonggarkan syaratnya atas alasan keselamatan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa setiap langkah hendaklah diambil untuk melindungi nyawa penunggang-penunggang motosikal tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa motosikal jenis 70 cc. ke bawah ini tidak boleh lari laju, cuma boleh lari 20-30 batu sejam, jadi risikonya tentulah kurang daripada motosikal jenis Rambler yang digayakan oleh anak-anak muda, Jadi tujuan saya ialah meminta Kementerian memberi pertimbangan khas kepada golongan seperti ini kerana motosikal jenis ini bukan sahaja digunakan oleh petani-petani yang buta huruf yang tidak tahu undang-undang, yang barangkali susah hendak baca undang-undang, juga

oleh murid-murid sekolah yang berulang-alik ke sekolah-sekolah mereka. Jadi apakah pihak Kementerian akan lebih bersimpati pada masa akan datang, mungkin tidak sekarang, untuk menimbangkan semula supaya melonggarkan syarat-syarat meluluskan lesen pemandu bagi motosikal jenis ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah dua kali mengatakan tidak akan menukar syaratnya tetapi soalan tambahan ini merupakan rayuan untuk ditimbang semula. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu atas pandangan beliau. Perkara ini ialah perkara keselamatan dan pakar-pakar dalam Kementerian yang berkenaan pun telah mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat tetapi malangnya tidak dapat melonggarkan atas alasan yang disebutkan tadi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Timbalan Menteri, saya terpaksa bertanya soalan tambahan. Sebenarnya satu masa dahulu semua mereka yang berkehendakkan lesen "L" baik motosikal mahupun kereta ataupun lori mesti diadakan ujian undang-undang. Tetapi mengapa sekarang ini hanya lesen "L" motosikal sahaja yang dikenakan ujian undang-undang dan apakah Kerajaan bercadang lesen "L" motokar dan lori dikenakan ujian kerana ini perlu dan tidak menyusahkan ramai rakyat.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, syarat mengenakan ujian undang-undang bagi semua pemohon lesen "L" tidak kira kategorinya dijalankan beberapa bulan dan dalam tempoh ini Kementerian telah melihat bahawa oleh kerana pemandu kereta ataupun lori lesen "L" mengikut syarat ia itu ada seorang yang layak duduk di sebelah, jadi soal meluluskan ujian undang-undang lebih dahulu itu dikaji semula dan telah dilonggarkan. Tetapi bagi pemohon lesen "L" motosikal ini tidak dapat dilonggarkan kerana tidak ada seorang yang layak duduk di sebelah atau di belakangnya.

## HOSPITAL DAERAH DI BELAGA

**14. Tuan Sibot Miyut anak Tagong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada

terdapat sebarang kemungkinan untuk membina Hospital Daerah di Belaga sebagai suatu projek utama memandangkan kawasan tersebut terlalu terpencil dan juga keadaan hidup yang buruk bagi penduduk di sana.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang hormat bahawa Belaga mempunyai sebuah Dispensari yang mengandungi 4 buah katil. Dispensari ini adalah di bawah jagaan seorang Pembantu Hospital Kanan yang berpengalaman. Bagi kes-kes kecemasan yang hendak dimasukkan ke Hospital, mereka dipindahkan ke Hospital Kapit oleh Perkhidmatan Doktor Udara kita, kadangkala dengan bantuan Tentera Udara Di Raja Malaysia.

Memandangkan bahawa jumlah penduduk di kawasan itu tidak begitu ramai juga kemudahan yang sedia ada adalah memadai termasuk peraturan untuk memindahkan kes-kes yang serius maka pada setakat ini, Kementerian tidaklah bercadang untuk membina sebuah Hospital Daerah di Belaga.

## INTEGRASI DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

**15. Tuan Ting Chek Ming** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau telah menimbang betapa perlunya Angkatan Tentera Darat, Udara dan Laut diintegrasikan yang mana integrasi tersebut akan mencerminkan komposisi kaum masyarakat kita yang berbilang bangsa supaya dapat menjamin perpaduan mutlak dalam hal mempertahankan negara kita apabila didapati perlu.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia yang terdiri dari Tentera Darat, Laut dan Udara selama ini sememangnya telahpun diintegrasikan terutama sekali di peringkat pemerintahan tinggi (high command) di mana organisasi tiga perkhidmatan (tri-service) telahpun diwujudkan. Di samping itu tiap-tiap angkatan juga mempunyai organisasi dan tugas-tugas perkhidmatan masing-masing.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, anggota-anggota Angkatan Tentera kita adalah terdiri dari semua bangsa dan keturunan. Mereka ini menjalankan tugas masing-masing dengan penuh taat setia,

tanpa mengira bangsa ataupun ugama demi kepentingan untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara ini.

Integrasi ini dapat dilihat dengan jelas, bukan sahaja semasa menjalankan tugas-tugas harian dan di medan perniagaan, tetapi juga semasa menjalankan tugas-tugas aman, seperti dalam upacara-upacara perbarisan menyambut Hari Kemerdekaan, lawatan pembesarpembesar negara asing dan sebagainya, dimana ketiga-tiga angkatan tentera seringkali mengambil bahagian di dalam kawalan kehormatan dan lain-lainnya Perayaan Hari Angkatan Tentera yang diadakan pada 16hb September tiap-tiap tahun adalah bertujuan antara lain, untuk mengeratkan lagi integrasi dan memupuk suasana harmoni di antara kaum di dalam Angkatan Tentera kita.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa anggota-anggota Angkatan Tentera kita adalah terdiri dari semua bangsa dan keturunan tetapi adakah beliau sedar bahawa keadaan yang ada sekarang adalah tidak mencerminkan komposisi kaum masyarakat kita dan jika beliau sedar, adakah pihak Kerajaan atau pihak Kementerian bercadang untuk membuka pintunya supaya rakyat Malaysia yang berketurunan Cina dan India yang layak boleh memohon dan diambil masuk ke dalam Angkatan Tentera kita.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menghalang sesiapa juga untuk memohon bagi memasuki Angkatan Tentera dan juga lain-lain perkhidmatan dalam Kerajaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang saya terima, saya dapat tahu orang-orang Cina dan India tidak begitu gemar masuk dalam Angkatan Tentera oleh kerana mereka kebanyakannya suka berniaga. Kalau ini benar, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud hendak meminta kerjasama daripada Wakil-wakil Rakyat misalnya dari DAP supaya membuat rayuan bagi pihak Kerajaan untuk menarik golongan orang-orang bukan Melayu ini supaya ditanam tanggungjawab bahawa mereka juga mempunyai kewajipan untuk mempertahankan negara ini.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dan saya fikir ini adalah tanggungjawab semua rakyat yang taat setia dan sayangkan negara ini.

**Dato' Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Oleh kerana masalah komposisi kaum telah dibangkitkan dalam Dewan yang mula ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, adakah Kerajaan masih menyimpan rekod-rekod sewaktu kita di dalam emergency dalam tahun 1948-1960 sehingga selepas merdeka terdapat banyak kaum-kaum yang melarikan diri daripada berkhidmat dengan tentera dan lari ke tempat asal mereka dan balik semula ke Malaysia setelah negeri kita aman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu di luar daripada soalan asal.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sama ada beliau sedar bahawa soalan-soalan yang perkauman begini memang selalu dibangkitkan oleh pihak Pembangkang yang mana selalu mengatakan bahawa UMNO-lah yang hari ini perkauman sebagai-mana soalan yang keempat hari ini.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya kepada beliau sama ada Kerajaan ada membuat iklan-iklan di dalam akhbar untuk memanggil warganegara Malaysia untuk masuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera, kerana saya nampak apabila saya naik helikopter TUDM tiap-tiap kali saya naik helikopter TUDM ini, saya dapati pilotnya terdiri daripada mereka yang bukan bumiputra. Saya ingin bertanya kepada beliau sama ada mereka ini masuk Angkatan Tentera cuma memilih kepada pangkat-pangkat sahaja.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa sebahagian daripada mereka yang memasuki Angkatan Tentera ingin mendapatkan pangkat ataupun jawatan-jawatan yang bolehlah dikatakan lumayan. Namun demikian pada keseluruhannya dari segi keanggotaan yang kita ada pada masa ini bolehlah dikatakan komposisi itu adalah memuaskan.

## MOTOKAR DIROMPAK—HOR KAM WENG DITAHAN POLIS

**16. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar seorang lelaki China bernama Hor Kam Weng telah ditahan oleh Polis Teluk Anson pada 3-9-1980 yang dinyatakan berkaitan dalam kes motokar dirompak dan Encik Hor Kam Weng telah dipukul hebat oleh anggota polis dalam tempoh masa tahanan dan satu report telah dibuat di Balai Polis Teluk Anson (Report Bil. Telok Anson 8174/80) mengadu Inspektor Shamsuddin Yusof yang memukul hebat Encik Hor Kam Weng dimasukkan ke Hospital Daerah, Telok Anson dengan terdapat lebih dari 30 tempat luka diseluruh badan Encik Hor Kam Weng, jika benar, apa tindakan akan diambil terhadap Inspektor Polis yang melakukan pukulan hebat itu supaya kejadian seperti ini tidak ditimbulkan oleh anggota polis pada masa hadapan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dalam peringkat penyiasatan. Sekiranya dakwaan ini benar dan pegawai tersebut terbukti kesalahannya maka ianya juga tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

**Tuan Lim Cho Hock:** Dua setengah bulan telah lepas dari tarikh laporan dibuat dan sampai hari ini saya hendak tahu adakah perkhidmatan Inspektor Shamsuddin Yusof telah ditangguhkan dalam perkhidmatan Polis.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Kita tidak boleh menghukum seseorang sebelum ianya didapati salah.

## KADAR SUBSIDI PADI

**17. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan kadar subsidi dari \$2 sekarang kepada jumlah yang lebih sesuai memandangkan kenaikan harga barang yang melambung tinggi ini;
- (b) jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan dan jika tidak mengapa: dan

(c) apakah rancangan subsidi ini akan di laksanakan juga di Sabah dan Sarawak. Jika tidak mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaannya Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Speaker, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia. Untuk Sabah dan Sarawak, satu kajian yang teliti akan dibuat di antara LPN dengan Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut untuk dilaksanakan.

**Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon:** Bilakah kajian ini dapat diumumkan?

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Speaker, ini dalam peringkat kajian.

#### PELARIAN ISLAM SELATAN THAILAND

**18. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia telah mengambil dayausaha tertentu bagi menyelesaikan masalah pelarian Islam Selatan Thailand di Malaysia kesan daripada penindasan yang berterusan ke atas mereka oleh rejim Bangkok. Jika ya, apakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan bagaimanakah sambutan Thailand kepada cadangan-cadangan tersebut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu tidak ada masalah pelarian Islam Selatan Thailand di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selesai.

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari kedua belas)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang menimbangankan Anggaran Perbelanjaan untuk Maksud Perbekalan B. 39 dan Maksud Pembangunan P. 39 di bawah Kementerian Kesihatan dan saya telah mengumumkan semalam bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang ini dan setelah itu Majlis akan menimbangankan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan atas permintaan Yang Berhormat Menteri dan saya dapati menasabah maka selepas daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Majlis akan menimbang peruntukan di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Sekarang bagi menyambung perbahasan ini, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Ahli Yang Berhormat ada 8 minit lagi untuk bercakap.

*Maksud B. 39 (Jadual)—*

*Maksud P. 39 (Anggaran Pembangunan, 1981)—*

3.30 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, semalam saya ada menyentuh berkenaan Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran, berkenaan pengambilan masuk doktor-doktor.

Tuan Pengerusi, berkenaan pengambilan masuk doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan, saya ingin menegaskan betapa pentingnya peranan doktor dalam kebolehan sistem kesihatan negara untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat. Kita harus sedar bahawa sistem kesihatan mempengaruhi kesihatan individu dan taraf kesihatan rakyat. Maka Kementerian Kesihatan harus memberi lebih perhatian terhadap masalah kekurangan doktor dan juga menumpukan tempat-tempat kosong dengan doktor-doktor tidak kurang dari mana baik dalam ataupun luar negeri asalkan rakyat kita boleh menikmati perkhidmatan yang amat penting ini. Saya suka tegaskan di sini bahawa masalah ini lebih teruk lagi di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, pada pengetahuan saya sekarang pun ada doktor-doktor yang telah graduate tetapi dari unscheduled university ataupun universiti-universiti yang scheduled tetapi belum menentukan taraf universiti-universiti itu di luar negeri dan adapun mereka yang tunggu sampai setahun dan belum memberi jawapan-jawapan berkenaan dengan permohonan mereka memasuki perkhidmatan Kerajaan dan saya meminta di sini Kementerian Kesihatan menyalut perkara-perkara ini.

Berkenaan dengan Butiran yang sama, Program (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan—berkenaan dengan hospital. Berkenaan dengan kemudahan hospital di Wilayah Persekutuan saya ingin merayu Kerajaan untuk dicentralise Hospital Besar Kuala Lumpur kepada beberapa unit yang lebih kecil dan senang diurus dan diletakkan di beberapa tempat di Kuala Lumpur seperti Kepong, Sungai Besi, Cheras dan lain-lain tempat yang sesuai. Cara ini akan memperbaiki lagi penyampaian rawatan kesihatan melalui pengemasan sistem pengurusan yang lebih berkesan.

Berhubung dengan masalah salahguna dadah, dalam Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam; Butiran yang sama, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di sini Kementerian harus juga memberi lebih perhatian dan mengambil peranan yang lebih dinamis di dalam perkhidmatan-perkhidmatan bantuannya terhadap rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah. Seharusnya Kementerian patut mengadakan satu unit khas untuk mengendalikan kerja-kerja-detorification penagih-penagih dadah serta melatih kakitangan-kakitangan Kebajikan Masyarakat untuk menjalankan kerja-kerja follow-up terhadap penagih-penagih dadah yang telah mendapat rawatan dan seterusnya membantu mereka menyesuaikan diri semula dengan kehidupan masyarakat biasa.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak. Saya rasa sudah sampailah masanya untuk Kementerian Kesihatan bertindak untuk menaikkan taraf beberapa klinik di Wilayah Persekutuan kepada taraf Poliklinik. Saya suka menarik perhatian Kementerian Kesihatan terhadap keadaan klinik di bandar Kepong yang sudah begitu

usang dan sempit untuk berkebolehan memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk bandar Kepong. Saya sangat berharap Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan cadangan saya untuk menubuhkan sebuah Poliklinik di bandar Kepong di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran yang telah diperuntukkan kepada Kementeriannya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tumpat.

3.36 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan B. 39, Kementerian Kesihatan, Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran dan (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan, muka surat 367.

Kita berterima kasih kepada Kerajaan kerana akan menambah satu lagi Fakulti Perubatan di Universiti Sains Malaysia. Ini menjadikan tiga buah Fakulti Perubatan di universiti-universiti di dalam Malaysia.

Saya percaya dengan adanya tiga buah pusat perubatan ini negara kita akan mengeluarkan lebih banyak lagi doktor-doktor tempatan yang kita sangat memerlukan. Kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan ini adalah disebabkan ramai di antara yang berhenti dalam perkhidmatan Kerajaan dan seterusnya masuk dalam lapangan swasta di mana perolehannya yang lebih boleh diperolehi. Untuk mengeluarkan seseorang doktor daripada universiti ia memakan masa tidak kurang daripada enam tahun. Bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan kepada seseorang graduan itu memakan perbelanjaan yang besar. Manakala khidmat yang diberi oleh seorang doktor itu tidak setimpal dengan apa yang dibelanjakan oleh Kerajaan kepada mereka.

Kita juga tahu promotion prospect bagi mereka tidak begitu baik jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai tadbir. Namun begitu, Kerajaan hendaklah memikirkan untuk membesarkan lagi promotion prospect

mereka supaya bilangan yang berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan akan dapat dikurangkan. Doktor-doktor yang berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan biasanya berkhidmat hanya beberapa tahun sahaja. Mereka hanya berkhidmat untuk mencari keuntungan seberapa banyak yang boleh. Untuk mengawasi kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan ini saya ingin mengesyorkan supaya diadakan perkhidmatan sambilan katalah seseorang doktor private dikehendaki menyumbangkan khidmatnya selama empat jam sehari dengan bayaran yang tinggi oleh Kerajaan. Dengan cara bergilir-gilir semacam ini saya yakin kita akan dapat khidmat daripada doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan dalam berbagai bidang kedokteran. Ini saya rasa dapat mengurangkan bebanan di hospital-hospital yang ada sekarang ini. Saya percaya mereka yang berkhidmat dengan swasta ataupun membuka klinik persendirian akan dapat memikirkan sebagai satu sumbangan khidmat bakti mereka kepada Kerajaan dalam membantu kekurangan doktor-doktor di hospital-hospital Kerajaan.

Sumbangan perkhidmatan perubatan ini saya rasa adalah wajar memandangkan bantuan yang diberi oleh Kerajaan untuk memberi pelajaran tinggi kepada seseorang graduan itu adalah besar hingga ke peringkat universiti. Mudah-mudahan dengan syor saya ini mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.40 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh P. 39, muka surat 386, Butiran 3—Memperbaiki Hospital-hospital. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini Hospital Daerah Sungai Petani ini adalah sebuah hospital yang lama dan wad bersalinnya ialah dua tingkat, wad ini tidak mempunyai lif untuk digunakan bagi naik ke tingkat atas. Jadi, ibu yang lepas bersalin disuruh naik ke tingkat atas dengan menggunakan tangga.

Pada pendapat saya ibu-ibu yang telah bersalin ini tentulah lemah dan saya rasa tidak patutlah disuruh ibu-ibu ini naik tangga yang begitu tinggi. Saya mencadangkan supaya lif dibina di wad ini supaya menyenangkan ibu-ibu tadi.

Menyentuh muka surat 392, Butiran 58—Tempat Kediaman Kakitangan. Tempat kediaman mereka sangatlah buruk dan bocor masih belum dibaiki. Bagi rumah Atendan pula terletak di tempat yang rendah kerana hospital itu duduknya di satu tempat yang agak tinggi jadi mereka ini macam di kaki bukit—rumah Atendan ini selalu ditenggelami air. Saya harap satu peruntukan perlu diberi supaya dapat memperbaiki parit-parit di kawasan itu dan quarters dibaiki semula supaya tidaklah mereka ini duduk di dalam kawasan yang tidak begitu menyenangkan.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh kepada B. 39, muka surat 367, Program (2) (b) Kesihatan Alam Sekeliling. Kita nampak pasukan membasmi malaria tidak begitu giat pada masa ini. Kalau dahulu kita nampak seringkali mereka ini membawa tong dan masuk ke rumah-rumah ataupun selalu mengelilingi tempat-tempat di belakang-belakang rumah menyembur minyak dalam parit-parit, tetapi sekarang tidak ada. Saya mencadangkan perkara ini dibuat semula oleh sebab sekarang ini terlalu banyak nyamuk bukan setakat di tempat-tempat semak tetapi di bandar-bandar. Jadi saya rasa nyamuk dahulu kita kata banyak nyamuk tirok tetapi sekarang ini kita nampak pihak Kesihatan kata nyamuk tirok tidak begitu banyak, sekarang nyamuk untut ada diberi ubat kepada orang-orang yang duduk di sebelah Bukit Meriam, di sebelah Tanjung Dawai, Alhamdulillah tidak ada orang kaki besar sakit untut sekarang ini, tetapi timbullah pula satu jenis nyamuk yang dinamakan nyamuk Aedes. Jadi disalahkan kepada suri-suri rumahtangga dikatakan nyamuk-nyamuk ini suri rumahtangga yang membiakkan sebab suri rumahtangga ini menghias rumah dengan dibubuh bunga-bunga kerana mereka tidak suka pakai bunga plastik tetapi pakai bunga-bunga hidup, air itu sudah bertakung maka ia membiakkan nyamuk Aedes. Pada pendapat saya bukanlah setakat kita hendak salahkan suri-suri rumahtangga tetapi oleh kerana banjir, bila sudah banjir air bertakung dan air ini pun mungkin dapat membiakkan nyamuk. Jadi, saya ingat untuk menghilangkan

nyamuk-nyamuk ini dibanyakkan peruntukan dan juga kakitangan kerana mereka inilah harus bekerja lebih kuat menghapuskan nyamuk-nyamuk itu.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Rawatan Pesakit-pesakit Otak. Orang-orang sakit otak ini sementara hendak di bawa ke Hospital Bahagia selalu diletakkan di wad-wad orang sakit di dalam hospital-hospital. Jadi, kadang-kadang orang-orang ini bangun tengah malam, mereka yang tidak begitu ganas tidak mengapalah, tetapi setengah-setengahnya itu kadang-kala memukul jururawat dan juga kadang-kadang bukan setakat jururawat tetapi memukul juga atendan-atendan. Mereka ini dikurung di satu tempat, saya rasa tempat itupun tidak begitu baik kerana tempat itu tidak ada jerak-gerak besi dan tempat itu juga tidak ada dibekalkan dengan tandas, bila dia sudah naik sakit otak terpaksa dia buat apa yang dia suka. Jadi saya ingat orang-orang ini patut sekali jangan lama sangat diletakkan di wad-wad, setakat dua hari itu patutlah, kalau tidak mereka ini lebih ganas dan lebih merbahaya kepada pesakit-pesakit. Jadi, saya ingat setakat inilah sahaja saya menyentuh kepada Butiran yang ada ini dan saya menyokong Anggaran bagi Kementerian Kesihatan diluluskan dan juga patut ditambahkan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.46 ptg.

**Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Maksud 39 di bawah Kementerian Kesihatan dan wang peruntukannya sebanyak \$1,011,686,365. Terlebih dahulu di sini ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah dapat menyumbangkan wang yang begitu besar di bawah Kementerian Kesihatan dan di samping itu ingin saya bercakap dengan ringkas.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 39, Butiran 31—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, muka surat 390. Tuan Pengerusi, pada masa ini klinik-klinik di negeri Sarawak iaitu di luar bandar masih lagi di bawah Kerajaan Tempatan. Saya difahamkan bahawa masih banyak lagi klinik-klinik yang

sudah diluluskan belum lagi dapat dilaksanakan. Contohnya, Tuan Pengerusi, di kawasan saya di Batang Lupar, di Batu Lintang Unduk tidak kurang daripada 5,000 orang penduduk ada di kawasan itu dan rayuan klinik ini bermula dari tahun 1966 hingga hari ini klinik tersebut belum lagi dapat dilaksanakan, sepatutnya klinik ini sudah lama didirikan. Saya dapati bahawa semua rakyat yang perlu pergi ke klinik pada hari ini terpaksa pergi ke klinik di bandar Seri Aman yang jauhnya lebih kurang 20 batu. Saya juga difahamkan bahawa cadangan untuk mendirikan sebuah klinik di kawasan tersebut mungkin sudah lebih 10 tahun dan sudah ada dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Oleh hal yang demikian, saya di sini ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bilakah Kerajaan akan mendirikan sebuah klinik besar di kawasan tersebut, jika tidak saya sekali lagi di sini merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya dapat mengambil perhatian dengan serius supaya penduduk-penduduk di kawasan tersebut tidak ragu-ragu lagi.

Tuan Pengerusi, selain dari itu berhubung dengan tempat kediaman pegawai-pegawai di Pejabat Kesihatan. Saya berpendapat bahawa di kawasan saya banyak pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan Kesihatan terpaksa menyewa rumah orang tengah dan ini sudah pasti bahawa Pejabat Kesihatan ini perlulah menambahkan peruntukan wang untuk pinjaman (loan) kepada pegawai-pegawai Pejabat Kesihatan, inipun perlu diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan. Saya berharap perkara ini agar dapat dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 1100, B. 39, muka surat 368, Aktiviti (5) Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan. Mengikut laporan dari Ibupejabat Kesihatan di negeri Sarawak saya difahamkan bahawa masih banyak lagi kejadian-kejadian penyakit di negeri kita ini tidak dapat dihapuskan. Jadi, saya fikir Jabatan Kesihatan ini perlulah menghantar para pelatih perubatan di luar negeri. Saya dapati bahawa negara kita masih kekurangan doktor dan pakar perubatan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan kita perlulah mengadakan latihan dengan secepat mungkin, jika tidak negara kita tiap-tiap tahun sentiasa berlaku kekurangan pakar perubatan dan ini selalu menjadi masalah di negara kita. Saya berharap bahawa galakan latihan kepada

Pegawai-pegawai Perubatan di negara kita, khususnya di negeri Sarawak dan Sabah perlu digalakkan dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kekurangan ambulan di Hospital Daerah. Contohnya, di kawasan saya Batang Lupar di mana ada dua klinik di luar bandar jauhnya hampir 40 batu dari Hospital Daerah Seri Aman dan jika pesakit-pesakit itu akan dihantar ke hospital tersebut mereka terpaksa menunggu bas 2-3 jam. Oleh hal yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya dapat memberi pertimbangan dan menambahkan banyak lagi ambulan kepada Hospital Daerah. Saya berharap bahawa peruntukan di bawah Kementerian ini perlulah ditambah walaupun peruntukan tahun hadapan ini nampaknya menelan belanja yang lebih besar tetapi peruntukan ini keseluruhannya jika dibahagi dengan 13 negeri dalam Malaysia maka peruntukan ini memang tidak mencukupi. Saya berharap bahawa peruntukan wang di bawah Kementerian ini perlulah ditambah lagi.

Saya menyokong Maksud B. 39 di bawah Kementerian Kesihatan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kangar.

3.51 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 39—Perkhidmatan Kesihatan.

Di sini suka saya mengesyorkan kerana perkhidmatan kesihatan ini mengadakan kelas 1, 2 dan 3, saya rasa itu patut dihapuskan dan dijadikan satu kelas atau tingkatan sahaja. Misalnya saya contohkan sekolah. Pihak Kerajaan tidak mengira sama ada dia anak siapa, berpangkat apa, asalkan dia adalah sekolah Kerajaan maka semua rakyat boleh masuk ke sekolah itu dengan tidak memilih pangkat, keturunan dan sebagainya, kecuali kalau hendak dibezakan pun di antara yang otaknya cerdas, iaitu ekspres dan sebagainya ataupun yang lembab otaknya, yang malap, tentang sekolah mereka adalah satu tingkatan. Maka saya syorkan dengan diadakan tingkatan yang begini, ini menjadikan satu kebaikan, khususnya kepada orang sakit. Kalau kita adakan kelas 1, 2 dan 3 maka dengan

sendirinya terasa kepada pesakit itu, juga ada satu perasaan kepada jururawat sendiri bila dia merawat di kelas 3 ini adalah orang kelas 3 dan pihak pesakit inipun terasa dia adalah kelas 3. Dengan sebab itu macam saya katakan tadi, untuk menguatkan alasan saya, hapuskan kelas ini, kecuali kalau hendak dibezakan jenis penyakit; penyakit kemalangan, penyakit otak dan berbagai-bagai penyakit kulit dan sebagainya, tentang tingkatan—hapuskan. Kalau yang suka hendak bayar, dia boleh masuk ke Hospital Assunta di Kuala Lumpur ataupun Pulau Tikus di Pulau Pinang kepada orang yang ada wang. Ini saya ingat ada satu perkara yang membawa kebaikan lagi. Pihak Kerajaan dihaskan satu, dihapuskan kelas-kelas yang saya katakan tadi.

Oleh kerana perbezaan kelas inilah, membawakan orang sakit bertambah sakit kerana membezakannya sangat. Dengan tidak membezakan kelas, menguatkan alasan saya lagi, pihak jururawat pun berasa takut. Kalau dia hendak melayan antara satu dengan lain tentulah dia bimbang, jangan-jangan ada di antara pesakit tadi orang kenamaan, berpangkat dan sebagainya. Ini boleh diperhatikan. Ini saya fikir amatlah perlu, dan samailah masanya patut kita jalankan demikian.

Tuan Pengerusi, bercakap saya mengenai perkhidmatan ini juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih yang amat sangat kepada BAKTI (Persatuan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri) yang saya tengok dalam akhbar hari ini telah mengeluarkan \$300,000 peruntukan untuk beri derma kepada pesakit jantung. Tetapi saya amat dukacita sampai ke hari ini pesakit jantung kita sudah tahu telah berlaku tiap-tiap tahun, boleh dikatakan sejak akhir-akhir ini kita tengok selalu dalam akhbar ada sahaja orang sakit jantung. Yang menyedihkan penyakit jantung ini kebanyakannya berlaku kepada kanak-kanak yang bersekolah rendah, bererti yang berumur 12 tahun ke bawah. Jadi kanak-kanak ini tahu lah kalau yang terasa sakit, kalau yang kita terasa sakit hendak tahu sedih atau tak sedih, kalau berlaku kepada anak kita sendiri, apa rasa hati kita sedangkan kita tahu kalau boleh diikhtiar, misalnya \$12,000 sekadar ikhtiar kepada manusia, bolehlah dibaikkan budak ini, itupun hendak mati dan hendak baik itu ialah di tangan Tuhan tetapi ikhtiar hendaklah di tangan manusia. Kalau hendak ikut kata orang itu akan mati, tak payah berubat di

hospital, kita tahu orang itu akan mati, tetapi ikhtiar sebagai manusia hendaklah diadakan.

Setakat hari ini, Tuan Pengerusi, saya dapat tahu, saya tengok dalam akhbar pada satu hari Timbalan Menteri Kesihatan sendiri mengumumkan yang satu ketika kita akan ada hospital khas perubatan di Malaysia tetapi buat sementara ini kita belum ada pakar yang berkenaan. Sebelum kita hendak hantar, katanya patutlah dihantar beberapa orang pakar untuk belajar dalam perkara tersebut di samping itu patutlah kita tubuhkan satu lembaga. Saya dapat tahu daripada akhbar yang dinyatakan oleh Pengerusi BAKTI sendiri, katanya hari ini belum ada lagi persatuan itu, tidak tahulah di mana, katanya Kementerian Kebajikan Am berca-dang hendak adakan tetapi sampai hari ini tak ada. Saya berpendapat patutlah Kementerian Kesihatan sendiri mengadakan pertubuhan yang tersebut untuk penyakit jantung. Saya berpendapat sakit ini janganlah ditunggu.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan saya berharap Allah sahaja membalas budi baik Persatuan BAKTI, iaitu isteri-isteri Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang saya dapat tahu telah menderma seorang pesakit jantung sebanyak \$5,000, seramai 4 orang setakat hari ini, ada diberi \$100,000 kepada satu tempat dan \$100,000 di satu tempat lain. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah tetapi ikhtiar Kerajaan sendiri kenalah ada. Kalaulah Kerajaan sanggup mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk berbagai-bagai bidang, tak kasihankah kita kepada orang sakit. Kalau BAKTI sanggup beri \$5,000 kepada satu orang, Kementerian Kesihatan kenalah bantu, jangan nanti esok dan lusa ataupun 3 bulan kemudian penyakit janganlah ditunggu, amatlah sedih. Ini saya merayu sangat-sangat.

Bagi diri saya sendiri, Tuan Pengerusi, alah kadar kata orang sebagai simpati kalau yayasan ini ditubuhkan, saya hendak beri derma sebulan sedikit, kalau tak banyak pun sebulan \$100, bak kata orang banyak tanda ada—Wakil Kangar ini tak ada, sedikit tanda ingat. Saya cukup sedih, kalaulah kita terasa, jangan tanya orang lain, kalau keluarga kita sakit, khasnya kalau anak kita sendiri, ini patutlah sangat dibantu. Saya tak mahu dengan sampai 4.5 bulan pesakit jantung tidak boleh dihantar kerana bapanya penoreh getah dan sebagainya. Saya harap Timbalan

Menteri tolong ambil perhatian yang serius atas perkara yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh mengenai rawatan di hospital. Selalunya apabila diperiksa oleh doktor sama ada pesakit dalam ataupun pesakit luar, bila dia merawat ataupun memeriksa orang sakit ini, satu perkara yang saya berasa patut diubah. Dia tanya, apa sakit? Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya gunakan perkataan yang tak elok, tiap-tiap doktor mesti bertanya; ada buang air kecil? Ada buang air besar? Ada berak? Kata dia. Itu yang dia tanya.

**Tuan Pengerusi:** Kalimah yang mula-mula tadi orang fahamalah.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, orang faham, Tuan Pengerusi, tetapi yang dikata sebenarnya ialah yang akhir itu tetapi untuk sopan cara bercakap itu, saya gunakan yang awal tadi. Kerap kali bila doktor periksa orang, dia tanya, ada berak? Itu pertanyaannya, kita tak nafi. Pening kepala ini berjangkit daripada perut, bila air besar tak dibuang, walaupun saya bukan doktor, saya percaya bila kita tak boleh buang air besar maka berjangkitlah kita berasa pening. Itulah punya penyakit bila air besar tidak boleh lawas dengan baik. Ini satu punca yang membawa badan tak sihat, tetapi patutlah diperiksa dengan teliti.

Sebabnya saya berkata begitu kerana pernah berlaku pada seorang pesakit di hospital Kangar, tempat saya, selepas sudah beberapa kali diperiksa di hospital ini—hospital Kerajaan, akhirnya bila pergi ke tempat klinik swasta maka didapati pesakit yang tersebut amatlah teruk, walhal dia telah pergi periksa ke hospital Kerajaan sudah berkali-kali. Bila pergi ke hospital swasta, barulah diperiksa dengan teliti dan didapati pesakit ini sudah amat teruk. Jadi seperti saya kata tadi, ditanya: ada sakit, ada berak, ada kencing? Itu yang ditanya. Periksalah dengan teliti. Ini saya harap supaya pemeriksaan itu dijalankan dengan betul, janganlah buat indah tak indah sahaja, kerana boleh membawa penyakit yang amat besar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, oleh kerana sakit ini satu perkara yang penting, dia tidak boleh bertangguh, walaupun ajal di tangan Tuhan tetapi ikhtiar adalah di

tangan manusia, kenalah berikhtiar dengan kelengkapan yang cukup untuk memberi rawatan kepada orang yang sakit. Kalaulah kita kata benda itu tidak ada, misalnya pakar di Perlis, yang terpaksa dibawa ke Kuala Lumpur atau Alor Setar, adakanlah alat kenderaan yang cukup laju selain daripada ambulance. Kalau ambulance itu sahaja berbunyi tetapi lajunya tidak, tidak menjadi apa juga.

Begitu juga kalau tempat-tempat yang berjauhan seperti pulau sama ada Pulau Langkawi misalnya, saya dapat tahu orang yang bersuara di sini hari ini sudah berhenti kerja, telah menjadi Menteri Besar di sebuah Kerajaan. Yang menjadi Menteri itupun sudah berhenti dan beliau berjanji, misalnya tempat seperti Pulau Langkawi itu tidak ada bot khas, dia hendak adakan satu bot, jadi kalau ada orang sakit patut bot itu bawa, jangan tunggu bot tambang juga baru hendak hantar orang sakit. Kalau kita hendak tunggukan bot tambang di mana waktu itu juga kita boleh hantar jadi orang yang sakit ini bertambah teruk.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya merayulah apa yang saya desak tadi bukan untuk wakil Kangar, adakanlah untuk orang sakit, menolong orang sakit adalah satu perkara yang wajib kepada kita bukan sahaja di segi kemanusiaan sahaja tetapi di segi pahala pun amat baik dan dengan itu saya menyokong peruntukan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.01 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan di sini dan saya suka menyentuh satu perkara sahaja, muka surat 368, Aktiviti (5) Perancangan Tenaga Manusia dan (a) Latihan Rawatan Perubatan.

Atas perkara ini saya suka menyentuh satu perkara yang saya anggap penting dan mustahak iaitu tentang masalah kekurangan pakar-pakar perubatan yang sedang dialami oleh negara dan rakyat negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

Saya suka mengesyorkan di sini bahawa saya rasa masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk melancarkan atau melaksanakan satu skim jangka panjang dan juga jangka pendek untuk menentukan bahawa kita ada terdapat pakar-pakar perubatan dari tiap-tiap bidang perubatan yang cukup dapat berkhidmat di hospital-hospital di negara kita.

Satu masalah yang sentiasa ditimbulkan dalam Dewan ini ialah mengapa pakar-pakar perubatan kita meninggalkan perkhidmatan awam dan masuk ke pihak swasta.

Sungguhpun saya faham bahawa adalah bebas bagi sesiapa, pakar-pakar perubatan yang hendak meninggalkan perkhidmatan awam untuk tujuan masuk ke dalam pihak swasta, akan tetapi saya rasa bahawa Kerajaan tidak patut mengambil satu sikap yang tidak peduli tentang hal ini dan sebaliknya pihak Kerajaan patutlah mengadakan satu skim jangka panjang.

Apabila kita bercakap tentang skim jangka panjang untuk menentukan bahawa kita ada pakar-pakar perubatan yang cukup, apa yang saya suka mengesyorkan di sini ialah bahawa apabila kita hendak membincangkan skim ini saya rasa perkara-perkara yang berikut patutlah dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan:

- (i) Syarat-syarat gaji dan pekerjaan yang lebih baik untuk pakar-pakar perubatan.
- (ii) Prospek kenaikan pangkat yang berdasarkan atas merit individu.
- (iii) Dengan memperuntukkan lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk kursus-kursus post medical bagi para doktor di negara kita.

Saya rasa bahawa ini ialah satu hal yang patut dipertimbangkan dengan seriusnya oleh pihak Kerajaan, oleh kerana satu perkara yang saya sentiasa hadapi apabila saya berpeluang untuk berjumpa dengan pesakit-pesakit ialah bahawa mereka berasa bimbang tentang kekurangan pakar-pakar perubatan di hospital dan saya berpendapat bahawa sekiranya masalah ini dapat diteruskan mungkin boleh sampai ke satu peringkat di mana orang ramai, pesakit-pesakit khasnya pesakit-pesakit dari golongan yang berpendapatan rendah dan miskin boleh kurang keyakinan terhadap hospital-hospital di negara kita.

Tadi saya pun ada mengesyorkan berkenaan dengan skim jangka pendek dan di sini saya ada mendapat tahu bahawa langkah-langkah sedang diaturkan oleh pihak Kementerian untuk mengambil (to recruit) pakar-pakar perubatan dari Britain, dari United Kingdom, dari Amerika Syarikat dan juga dari negara-negara asing supaya mereka dapat bekerja di sini sebagai salah satu cara untuk membantu dalam perkara mengatasi kekurangan pakar-pakar perubatan di hospital-hospital tempatan di negara kita ini.

Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, apakah kemajuan yang telah dicapai sehingga hari ini tentang aturan (arrangement) untuk mengambil pakar-pakar perubatan dari Britain, United States dan juga negara-negara lain supaya mereka dapat berkhidmat di hospital-hospital tempatan.

Di sini saya suka mengesyorkan juga bahawa apabila kita ada rancangan untuk mengambil pakar-pakar perubatan dari luar negeri, apa yang patut dan mesti kita buat ialah untuk menentukan bahawa mereka boleh mendapat syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik supaya mereka mendapati bahawa adalah berfaedah untuk berkhidmat di sini. Itulah perkara-perkara yang saya ingin sentuh dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pantii.

#### 4.07 Ptg.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara, P. 39, muka surat 386, Butiran 2—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, dan Butiran 3—Memperbaiki hospital-hospital.

Tuan Pengerusi, kesihatan luar bandar pada hari ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan nampaknya adalah perubahan jika dibandingkan dengan masa-masa yang lepas. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan \$22 million lebih ini, saya percaya untuk menghadapi tahun-tahun yang akan datang terutama dalam tahun 1981 ini memandangkan pesatnya perkembangan penduduk terutama di luar-luar bandar, di kampung-kampung baru seperti dalam FELDA dan sebagainya. Saya harap kesihatan anak-anak patutlah kita berikan perhatian yang

serius di samping menjaga kesihatan ibubapa-ibubapa kerana anak-anak inilah yang menyambung kita di masa depan terutama sekali dalam keadaan mereka yang sedang bersekolah. Kesihatan anak-anak bagaimana kata pepatah dalam bahasa Arab, dengan izin Tuan Pengerusi, saya hendak bacakan pepatah dalam bahasa Arab: Al aqlus salim fil jismis salim. Maknanya, akal yang sihat duduknya di dalam badan yang sihat. Jadi dengan kita mengambil perhatian yang berat dan serius ke atas kesihatan tubuh badan anak-anak kita itu akan memberikan peluang kepada anak-anak kita belajar dengan otak yang cergas.

Tuan Pengerusi, masih banyak kedapatan aspek kesihatan luar bandar itu yang mengalami kekurangan-kekurangan terutama sekali siri lawatan doktor ke klinik-klinik desa atau ke pusat-pusat kesihatan yang jauh di pedalaman dan terpencil. Tuan Pengerusi, di luar bandar saya tidak menafikan adanya lawatan doktor-doktor seminggu sekali atau dua minggu sekali khusus untuk ibu-ibu yang mengandung. Oleh itu di sini saya merayu kepada Kementerian Kesihatan terdapat lawatan itu dilengkapi dengan alat-alat yang semestinya. Umpamanya rawatan ibu-ibu yang mengandung dalam kawasan daerah saya ada Daerah Kecil Penggerang, jauhnya daripada Hospital Daerah Kota Tinggi 60-80 batu lebih kurang. Pihak Kesihatan telah mengarahkan ibu-ibu yang mengandung itu berkumpul di satu tempat, maka doktor pun datang memeriksa, dan ibu-ibu itu disuruh oleh pihak doktor supaya datang ke hospital daerah untuk diperiksa darahnya dan apabila ibu yang mengandung itu datang ke hospital daerah sekurang-kurangnya menghabiskan belanja \$20. Dan apabila sampai di hospital daerah hanya diambil sedikit contoh darahnya, kemudian mereka di suruh balik. Jadi saya telah banyak mendapat pengaduan daripada penduduk-penduduk di sana, mereka merayu kepada Kementerian Kesihatan apa salahnya rombongan doktor yang datang melawat ibu-ibu mengandung ini membawa sekali alat-alat yang mana boleh. Memang saya akui barangkali ada alat-alat yang sofistikated yang tak dapat dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat, tetapi kalaulah sekadar mengambil darah ibu-ibu tadi saya percaya barangkali alat mengambil darah itu tadi dapat dibawa ke daerah seperti biasa, tidaklah mesti ibu-ibu itu datang ke hospital daerah dan mereka terpaksa mengeluarkan

belanja tak kurang daripada \$20 sedangkan perbelanjaan \$20 itu boleh dijadikan keperluan perbelanjaan harian.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan memperbaiki hospital dalam Program 3, pada pandangan saya sudah sampailah masanya sekarang ini kebanyakan hospital-hospital daerah masih dalam keadaan yang lama, ada di antara hospital-hospital itu dibina di zaman penjajah dahulu, sejak sebelum perang dan sampai hari ini belum dibaharui. Sebagai contoh Hospital Daerah Kota Tinggi keadaan bangunan hospitalnya telah mulai diperbaiki dan saya ucapkan terima kasih tetapi perkakas di dalamnya seperti katil dan sebagainya sudah tidak lagi sesuai untuk masa ini, ada yang kakinya patah, ada yang tidak boleh digunakan dan sebagainya tetapi oleh kerana tidak ada peruntukan terpaksa barang-barang yang lama dipakai juga.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, di kebanyakan hospital daerah yang ada hari ini adanya kelas dinamakan Kelas Dua tetapi jauh bezanya Kelas Dua di daerah dengan Kelas Dua yang ada di bandar besar seperti Johor Bharu umpamanya. Kelas Dua di Johor Bharu tidak sama dengan Kelas Dua yang ada di Hospital Daerah Kota Tinggi dari semua segi, segi makanan, segi layanan dan segi pentadbirannya tidak sama, tetapi namanya Kelas Dua dan yang duduk di situ ialah pegawai-pegawai Kerajaan dan Wakil Rakyat pun dapatlah duduk di kelas dua itu, saya ucapkan terima kasih, tetapi tak sama dengan Kelas Dua yang ada di Hospital Besar Johor Bharu, umpamanya. Jadi saya harap kalaulah sama sahaja antara Kelas Tiga dengan Kelas Dua tak payahlah dinamakan Kelas Dua, samakan sahaja dengan kelas rakyat biasa kalau tidak terpaksa kita naikkan sedikit taraf Kelas Dua itu, biarlah benar-benar Kelas Dua dan ada kemudahan-kemudahan sebagaimana yang terdapat di hospital besar.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan kekurangan doktor. Saya telah beberapa kali menyentuh perkara ini sama ada secara persembahan saya berbual dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kuota bagi daerah-daerah seperti daerah Kota Tinggi ialah 8 orang doktor. Tetapi malangnya sejak sebelum perang sampai kita mencapai kemerdekaan dan sampailah hari ini tidak pernah

kuota itu dipenuhi dengan 8 orang. Kekurangan doktor di negara ini memang saya sedari tetapi walau bagaimanapun saya harap kekurangan itu janganlah sampai melibatkan kesihatan rakyat sama ada rakyat di luar bandar ataupun rakyat di dalam bandar sendiri. Paling banyak bilangan doktor yang pernah saya ketahui di Hospital Daerah Kota Tinggi ialah 4 orang, daripada kuota 8 orang itu paling banyak hanya 4 orang; apabila sampai ke angka 4 ditarik satu tinggal tiga orang sahaja dan pada hari ini tinggal 3 orang. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana perkembangan penduduk di luar bandar saya menyiasat sendiri di hospital daerah, saya bertanya kepada doktor yang berkenaan, tiap-tiap seorang doktor terpaksa melayani pesakit antara 150-200 orang dalam sehari. Jadi tak peliklah apa yang ditimbulkan oleh saudara saya Ahli dari Kangar oleh kerana banyak pesakit luar yang datang dan doktor pula sebagai manusia biasa akan berasa penat dan bosan dan sebagainya. Sudah tentu tidak dapat memeriksa dengan teliti sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat. Itulah sebabnya ada doktor bertanya: Adakah buang air kecil, adakah buang air besar dan sebagainya. Kerana kalau hendak diperiksa secara teliti barangkali 200 pesakit tak dapat diperiksa dalam masa satu hari. Jadi kalaulah banyak, diadakan dua-tiga doktor dapat bertugas sekali gus kerana saya percaya seorang doktor tidaklah sampai memeriksa 150-200 orang sehari.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, oleh sebab pandangan mata rakyat hari ini sudah jauh bezanya dengan 10-20 tahun dahulu. Kalau 10-20 tahun dahulu memang banyak rakyat takut hendak datang ke hospital ataupun kurang percaya dengan hospital, mereka lebih gemar membuang duit pergi ke klinik pribet walaupun ubatnya yang ada di klinik pribet itu sama dengan yang ada di hospital, dengan oleh kerana keyakinannya mereka kata biarlah habis duit asalkan puas hati. Tetapi berlainan halnya pada hari ini, keadaan hari ini dengan kejayaan pihak Kerajaan melalui kempen yang diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan telah menarik minat rakyat dan rakyat telah mula percaya dengan doktor-doktor yang ada di hospital yang boleh merawat mereka tetapi malangnya seperti saya katakan tadi layanan tidak dapat diberikan dengan sempurna dengan sebab banyak sekali datang pesakit luar itu dan kurangnya

jumlah doktor. Saya harap dengan peruntukan yang akan datang ini kalau pun tidak dapat dipenuhi kuota doktor bagi daerah-daerah iaitu 8 doktor bagi satu daerah, kalau tak dapat diberikan sepenuhnya berilah seberapa banyak yang boleh.

Dengan ini, saya menyokong dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

4.18 ptg.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih dalam membahaskan dan menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kesihatan.

Saya bangun untuk menyokong juga di atas pandangan yang telah diberikan oleh rakan saya dari Kangar tadi berhubung dengan usaha-usaha yang telahpun dijalankan oleh pihak BAKTI di dalam membantu pesakit-pesakit jantung berlubang. Sebelum itu Tuan Pengerusi, perkara ini akan saya sentuh dalam perkara Maksud B. 39 iaitu dalam Butiran 1100—Program Pentadbiran Am, muka surat 367. Di dalam hal ini usaha setakat ini telahpun dijalankan oleh banyak badan kebajikan dan badan sukarela bagi mencari wang dan juga sumbangan derma daripada orang ramai bagi membantu dan menolong keluarga pesakit-pesakit jantung yang kebanyakan terdiri daripada keluarga miskin khususnya di kalangan orang-orang Melayu. Tetapi saya begitu hairan dan takjub, bahawa walaupun banyaknya berlaku kes-kes ini dan kerap-kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tentang usaha-usaha dan langkah-langkah yang tegas dan segera patut diambil oleh Kementerian Kesihatan, tetapi sehingga ini kita masih belum lagi mendengar tindakan-tindakan tegas dan juga usaha-usaha yang lebih berkesan yang telahpun dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah yang penting dan juga yang sulit yang dihadapi oleh pesakit-pesakit jantung ini.

Saya ingin mencadangkan selain daripada apa yang telahpun dikemukakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kangar tadi bahawa:

Pertamanya, Kementerian Kesihatan perlu membuat satu kajian khas yang teliti

dan mendalam tentang wabak penyakit jantung berlubang di seluruh negara, sebab-sebab mengapa perkara ini berlaku dan juga langkah-langkah lanjut yang mungkin mereka boleh cadangkan supaya perkara-perkara dan penyakit-penyakit seperti yang saya sebutkan tadi akan dapat diambil tindakan segera untuk mengubati-nya.

Keduanya, saya ingin mencadangkan sebagaimana yang pernah disuarakan di dalam Dewan ini di masa-masa yang lalu supaya Kementerian Kesihatan segera menubuhkan satu tabung khas bagi membantu pesakit-pesakit jantung berlubang, bukan setakat untuk membolehkan mereka ini dihantar untuk pergi membuat rawatan ke luar negeri seperti di Filipina, tetapi juga memberi bantuan-bantuan tertentu umpamanya selain daripada itu bantuan-bantuan rawatan awalan di rumah-rumah ataupun di mana terdapatnya pesakit itu. Ini adalah amat perlu untuk menentukan supaya pesakit-pesakit yang mengidap penyakit-serupa ini akan dapat dikesan dengan lebih awal dan diberikan bantuan-bantuan awalan supaya ianya tidak merebak.

Ketiganya, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan sebagaimana yang dapat kita lihat di dalam peruntukan Kementerian ini juga di bawah Anggaran Pembangunan Maksud P. 39, Butiran 1, perkara 3 ada diberikan peruntukan khas bagi Pusat Pergigian di Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

Saya tidak nampak mengapa Kementerian Kesihatan tidak boleh menubuhkan satu Unit, satu Department khas di dalam Universiti Hospital untuk tujuan pembedahan jantung ini, sebab saya yakin kemudahan-kemudahan yang sophisticated juga telahpun ada di Universiti Hospital dan mungkin peruntukan-peruntukan yang perlu akan dapat diusahakan oleh Kementerian untuk memberikan bantuan-bantuan segera kepada Universiti Hospital bagi menubuhkan Unit Khas Pembedahan Penyakit Jantung dengan seberapa segera.

Kita memang menyedari akan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan tentang kekurangan pakar-pakar bedah jantung khususnya dalam penyakit jantung ini. Tetapi sebagaimana yang

kita sedia maklum setakat ini kebanyakan pesakit-pesakit jantung telahpun dihantar atau akan dihantar ke Manila, ke Pusat Perubatan Jantung yang terkenal di rantau Asia ini. Saya yakin melalui Kementerian Kesihatan akan dapat merundingkan dengan Kementerian Kesihatan di Manila, Filipina umpamanya untuk mendapat pertamanya membolehkan pakar-pakar ataupun bakal-bakal doktor-doktor kita dihantar ke sana untuk tujuan latihan jangka panjang dan jangka pendek dan untuk tindakan segera mungkin Kementerian boleh merundingkan dengan Pusat Pembedahan Jantung dan pakar jantung di Manila itu untuk mendapat pakar-pakar yang boleh diambil sebagai pakar kontrak di Kementerian untuk sementara menunggu sesuatu Unit Khas Pembedahan itu ditubuhkan dengan sepenuhnya di Universiti Hospital. Jadi langkah ini, Tuan Pengerusi, saya fikir amatlah perlu diambil dengan seberapa segeranya dan kita amat menyanjung tinggi akan usaha-usaha khasnya yang telahpun dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan Isteri-isteri para Menteri kita (BAKTI) yang semalam kita ketahui telahpun memberikan peruntukan yang amat besar dalam membantu dan juga menolong pasakit-pesakit yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Maksud P. 39, Butiran 3—Memperbaiki Hospital-hospital . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Muka surat 386, Butiran 3—Memperbaiki Hospital-hospital.

Saya ingin mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang keadaan Hospital Besar Daerah Muar yang kita tahu memang banyak rancangan-rancangan sejak bekas Menteri Kesihatan yang lalu, sekarang ini menjadi Gabnor Pulau Pinang, pada satu ketika telah mencadangkan banyak rancangan-rancangan hingga ada juga pada masa ini mengatakan pada masa itu ada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri menaikkan taraf Hospital ini kepada Hospital Besar, walaupun ia bukan ibu negeri Johor. Ini disebabkan Muar sekarang mempunyai jumlah penduduk tidak kurang daripada  $\frac{1}{2}$  juta orang di kawasan bandar dan juga di luar bandar dan Hospital Daerah Muar sekarang ini bukan sahaja

memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk dalam Daerah Muar bahkan daerah-daerah lain yang berhampiran, Segamat dan juga Batu Pahat.

Sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Panti tadi memang juga berlaku di Hospital Daerah Muar kekurangan pegawai-pegawai dan juga pakar-pakar yang amat diperlukan, bahkan kebanyakan kes-kes berlaku yang serius terpaksa juga dihantar ke Hospital Besar Johor Bahru yang jauhnya lebih 100 batu ataupun diterbangkan dengan helikopter ke Kuala Lumpur. Masalah-masalah ini kerap berbangkit dan saya amat berharap dengan peruntukan yang dimohon ini sebanyak \$119,768,265 ini mungkin sebahagian daripadanya akan dapat dikeluarkan bagi memperbaiki kedudukan Hospital Daerah Muar ini, dan bukan setakat itu sahaja Tuan Pengerusi, tetapi di dalam hal Butiran 2—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Saya ingin mendapat perhatian supaya kedudukan kekurangan kakitangan pakar-pakar perubatan di Hospital Daerah Muar ini akan dapat dibaiki dengan seberapa segeranya dan pada akhirnya sekali lagi saya menyokong akan peruntukan Kementerian Kesihatan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, maka mengikut persetujuan tadi, saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.28 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan buah fikiran dan pandangan serta sokongan terhadap Kementerian ini.

Saya sangat-sangat menghargai atas beberapa cadangan yang begitu baik, yang begitu membina terhadap Kementerian ini terutama sekali cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, kalau tidak salah mengenai Pusat Pembedahan Jantung.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menimbulkan beberapa masalah di antaranya ialah masalah kekurangan doktor khasnya di luar bandar dan

juga kekurangan doktor di Hospital Kuala Kangsar dan beliau telah mencadangkan supaya doktor di Hospital-hospital di kawasan-kawasan tersebut ditambahkan.

Tuan Pengerusi, mengenai kekurangan doktor di Hospital Kuala Kangsar, saya telah menyiasat masalah ini dan didapati bahawa di Kuala Kangsar ada mempunyai lima orang doktor dan adalah dianggap mencukupi setakat ini. Walaupun pada baru-baru ini salah seorang daripada doktor iaitu doktor yang M.O.I.C. (Medical Officer-in-Charge) di sana telah meletak jawatan dan beliau telah digantikan oleh seorang doktor lain, tetapi malangnya doktor itu terkena accident pula dan pada hari kelmarin mungkin masa Yang Berhormat bercakap seorang doktor telah dihantar ke sana dan insya Allah saya telah diberitahu bahawa seorang doktor lagi akan dihantar ke sana pada 15hb Disember, 1980 ini.

Tuan Pengerusi, mengenai menempatkan seorang pakar mata di Hospital Kuala Kangsar, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat khasnya bahawa negeri Perak ada mempunyai 4 pakar mata, dua di Ipoh General Hospital, satu di Taiping dan satu di Teluk Anson. Saya rasa ini merupakan satu bilangan pakar mata yang banyak di sesebuah negeri. Jadi pada masa ini memandangkan kekurangan pakar-pakar dalam beberapa Discipline terutama sekali dalam bidang Discipline mata di negara kita, Kementerian ini tidak berkemampuan untuk menghantar pakar mata di Hospital-hospital Daerah.

Mengenai kekurangan doktor, Tuan Pengerusi, perkara ini telah ditimbulkan beberapa kali bahkan ia merupakan satu chronic disease yang saya rasa akan tinggal dengan kita beberapa tahun lagi, 10-20 tahun kita akan menghadapi masalah kekurangan doktor. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah pertama sekali kekurangan doktor-doktor dari warganegara kita sendiri yang mempunyai kelayakan, dan kedua ialah ada di antara doktor-doktor kita seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum telah berhenti dengan pihak Kerajaan untuk berkhidmat dalam pihak swasta ataupun sebab-sebab lain.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, ialah masalah yang tidak dapat dielakkan. Kalau kita lihat daripada dasar Kementerian Kesihatan, kita sentiasa berusaha meningkatkan

perkhidmatan perubatan (the level of service) kita dan sudah tentu kalau dahulu di satu tempat itu tidak mempunyai doktor, kita menghantar ke sana. Begitu juga masalah "upgrading of level of care," dengan izin, Tuan Pengerusi, kepada rakyat di negara kita.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Panti, kalau tidak salah saya tadi, pihak Kementerian Kesihatan telah dapat menarik minat rakyat terhadap pentingnya kesihatan dan lain-lain lagi. Oleh itu kita telah menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat terhadap pentingnya kesihatan dan juga rakyat kita dari sehari ke sehari aspirasi mereka memanglah meningkat; begitu juga expectation mereka. Ini kadangkala disebabkan oleh kita sendiri, kalau kita dengar dalam Dewan ini semuanya minta supaya doktor ditempatkan di sana, di-tempatkan di sini. Kalau dahulu, Tuan Pengerusi, saya masih ingat lagi semasa saya jadi penuntut dahulu, saya tidak pernah masa sekolah dahulu, dapat berjumpa doktor, hanya berjumpa Senior Hospital Assistant sahaja. Jadi kita berpuas hati dengan rawatan yang diberi tetapi masa ini kalau kita lihat trendnya orang di luar bandar tidak mahu berjumpa dengan Pembantu Hospital (Hospital Assistant) lagi yang mempunyai pengalaman, dia hendak berjumpa doktor. Kalau di bandar, mungkin dia tidak hendak berjumpa doktor, dia hendak berjumpa specialist pula. Kadangkala kita melihat bahawa sepatutnya specialist ataupun consultant itu merupakan pakar rujukan iaitu kalau seseorang itu sakit berjumpa doktor—Medical Officer yang biasa, selepas itu barulah doktor itu merujuk kepada pihak pakar pula. Tetapi kalau kita lihat sekarang, Tuan Pengerusi, di kalangan orang kita termasuklah kita sendiri Wakil-wakil Rakyat tidak mahu berjumpa doktor biasa, tetapi hendak berjumpa dengan specialist. Ini saya rasa tentulah menambahkan lagi bebanan kepada pakar-pakar kita.

Selain daripada itu, kalau kita lihat di negara kita ini yang sangat pesat membangun, banyak bandar-bandar baru telah ditubuhkan dan Kementerian Kesihatan sentiasa membuat rancangan untuk melebarkan lagi perkhidmatan kita. Jadi adanya bandar baru ditubuhkan, adanya klinik ditubuhkan, makin sehari, makin ramai doktor-doktor dan pakar-pakar dikehendaki. Itulah sebab saya

mengatakan bahawa masalah ini merupakan satu masalah yang berpanjangan sungguhpun Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat setakat yang dapat saya ketahui bahawa bilangan pakar-pakar di negara kita yang bekerja dengan Kerajaan setakat ini adalah lebih kurang 260 orang untuk seluruh negara kita dan bilangan doktor, kalau tidak salah ingatan saya, ada 1,419 orang dan ada juga di antara mereka itu berhenti dengan sebab-sebab tertentu.

Mengenai perkhidmatan doktor-doktor di kawasan luar bandar memang kita memberi keutamaan bahkan arahan telahpun diberi kepada Pengarah-pengarah Negeri bahawa tiap-tiap Pusat Kesihatan Besar mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pegawai Perubatan Kesihatan (Medical Officer of Health) dan ada juga di antara Pusat-pusat Kesihatan Besar mempunyai 2 orang Medical Officer of Health, ini bergantung kepada beban kerjanya. Umpamanya kita difahamkan di Pasir Mas mempunyai 2 orang doktor dan di beberapa tempat lain lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan masalah penyakit gatal yang katanya berlaku di utara Perak. Mengikut apa yang saya dimaklumkan bahawa di sana ada terjadi satu penyakit yang digelar dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "scabies". Penyakit kulit biasanya merupakan satu penyakit yang chronic dan biasanya lambat hendak menyembuhkannya dan mungkin ini disebabkan oleh beberapa faktor. Di antaranya ialah masalah personal hygiene kita sendiri dan mungkin juga ini disebabkan oleh air terutama sekali kadangkala ada orang allergic kepada chemical yang kita gunakan seperti pesticide dan lain-lainnya di kawasan-kawasan padi. Mengikut apa yang telah difahamkan bahawa Jabatan Kesihatan di kawasan-kawasan tersebut telah mengambil tindakan untuk mencegah dari merebaknya penyakit ini dan ada di kalangan keluarga-keluarga ini telah datang mendapatkan rawatan dan mereka telahpun sembuh betul. Memang benar ada tinggal tanda-tanda hitam tetapi itu tidak mengapa dan juga langkah telah dan sedang diambil oleh Jabatan Kesihatan supaya memberi pelajaran kesihatan tentang apa yang patut dibuat daripada segi pencegahan dan juga

tindakan yang hendak diambil untuk mengelakkan penyakit ini dan rawatan yang patut didapati.

Jabatan kita memberi nasihat kepada keluarga ini. Juga sukalah saya mengambil kesempatan ini supaya menasihatkan semua ahli-ahli keluarga yang telah mengidap penyakit ini supaya mendapat rawatan dengan segera dan cara kita merawat ini kita mestilah menerangkan dengan satu rawatan yang comprehensive bukan sahaja merawat dengan ubat-ubatnya tetapi juga membasuh pakaian dengan air panas dan lain-lain lagi terutama sekali masalah personal hygiene kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan masalah bekalan air masyarakat luar bandar. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini.

Tuan Pengerusi, sukalah saya maklumkan bahawa projek bekalan air untuk masyarakat luar bandar ini ialah merupakan satu projek yang sangat popular di kalangan masyarakat luar bandar bahkan bagi Kementerian Kesihatan ini merupakan satu projek yang tinggi prioritinya; on top of the list tetapi oleh kerana banyak juga negeri-negeri yang menghendaki perbelanjaan untuk membina hospital-hospital, jadi perbelanjaan untuk bekalan air ini terpaksa dikurangkan kerana tiap-tiap satu negeri ada mempunyai ceiling, kalau ceiling negeri itu banyak menggunakan wang untuk membina klinik-klinik dan hospital-hospital, sudah tentu peruntukan untuk projek seperti ini yang sangat popular adalah berkurangan.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan yang lebih lagi supaya kita dapat banyak lagi memberi projek-projek seperti ini, projek-projek yang betul-betul berguna daripada aspek apa jua pun, daripada segi sosial, ekonomi dan daripada aspek kesihatan termasuk juga aspek political.

Sayugia dimaklumkan bahawa bekalan air ini telah memberi kesan yang sangat baik dari segi kesihatan kerana kita dapati bahawa di mana di kawasan-kawasan yang telah mendapat bekalan air seperti ini, bekalan sanitary seperti ini kita dapati bahawa penyakit-penyakit terutama sekali penyakit-penyakit yang merupakan diarrhoea disease adalah sangat-sangat berkurangan bahkan kita dapati mengikut observation yang dibuat oleh pegawai-pegawai kesihatan kita bahawa di

kawasan-kawasan yang sekarang mempunyai bekalan air seperti ini gravity feed-water supply dan lain-lain lagi kejadian penyakit cholera adalah berkurangan. Begitu juga penyakit-penyakit kulit.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh saya baca di sini, iaitu dari tahun 1976-1980 mengenai bekalan air yang diselenggarakan oleh Kementerian ini sehingga Ogos tahun ini di Semenanjung Malaysia; bilangan; gravity feed-water supply yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan sebanyak 1,089 dan orang yang mendapat keuntungan daripada ini lebih kurang 357,006 orang. Begitu juga bekalan telaga ada 6,200 yang dapat memberi keuntungan atau faedah kepada lebih kurang 350,000 penduduk. Begitu juga bekalan air menerusi telaga yang dapat disambung ke rumah yang bilangannya 626 memberi keuntungan kepada lebih kurang 16,000 orang. Pendek kata dengan ringkasnya dengan adanya bekalan air yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan ini rakyat di luar bandar telah mendapat keuntungan yang begitu baik dan setakat ini lebih sejuta rakyat di negara kita telah mendapat keuntungan dari bekalan air seperti ini dan Kementerian ini sentiasa memberi ketutamaan dan menggalakkan perbekalan air seperti ini. Apa yang kita buat merupakan satu kerja yang complementary daripada apa yang dibuat oleh JKR.

Mengenai hospital di Kuala Kangsar, pernah kalau tidak salah ingatan saya telah menjawab soalan ini dalam Dewan yang mulia ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat Kementerian kita mencadangkan untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan bagi Hospital Daerah Kuala Kangsar dan memang ada cadangan untuk mencantum kedua-dua component hospital ini iaitu hospital wanita dan lelaki dalam satu tapak yang sama dan satu pelan induk akan dibentuk dan projek baharu yang terlibat termasuk ward empat tingkat, unit bersalin dan juga mengubah wad 8 ke wad kanak-kanak, bahagian dobi baru, telefon, kantin baru, memperbaiki sistem sewerage, sambungan tabung darah, makmal baru dan setor.

Mengenai bekalan ambulan saya difahamkan bahawa di Lenggong sekarang ada mempunyai dua buah ambulan, satu baru ditambah dan saya difahamkan Grik ada

empat ambulan dan kalau tidak cukup bolehlah kita minta tolong daripada Grik sedikit.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan masalah supaya Kementerian ini mengkaji semula dalam masalah pengambulan doktor-doktor dari negara-negara asing. Beliau telah mencadangkan supaya kita mengambil dua doktor dari Amerika, daripada Eropah dari United Kingdom dan lain-lain lagi dan tadi beliau telah mengatakan supaya kita mengisikan kekosongan ini tidak kira dari mana asalkan rakyat dapat dirawat terutama sekali mereka di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu tetapi selaku seorang doktor saya yakin bahawa Yang Berhormat itu mengetahui bahawa kita hanya membenarkan doktor-doktor yang bekerja dengan kita yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh kita. Satu kelayakan yang diiktiraf oleh Malaysian Medical Council. Jadi kita tidak dapat menerima mana-mana doktor oleh kerana ianya doktor sama ada degreenya mempunyai standard yang patut didaftarkan di sini atau tidak, kita tidak dapat berbuat begitu kerana kita mempunyai satu tanggungjawab yang berat sebagai Kerajaan, sebagai satu Kementerian yang bertanggungjawab atas masalah kesihatan rakyat di negara ini. Kita mestilah dengan sedaya upaya menjamin bahawa kelayakan mereka ini merupakan kelayakan yang betul-betul baik.

Selain daripada itu, masalah yang dicadangkan oleh mereka itu mengambil doktor-doktor dari Eropah dan daripada Amerika, tidak tahulah, saya rasa kita mesti ingat juga doktor-doktor yang telah dilatih di negara-negara dingin seperti ini mungkin pengalaman mereka dalam masalah pattern and type of diseases di negara kita ini yang merupakan penyakit tropical mungkin mereka tidak mempunyai pengalaman yang begitu luas kerana saya tahu dalam universiti di mana saya belajar bahawa mereka tidak memberikan tekanan yang begitu berat atas masalah penyakit tropika.

Selain daripada itu juga masalah bahasa, language problem dan juga masalah penerimaan mereka, banyak masalah. Ini kalau kita lihat begini memang betul sepintas lalu, tetapi kalau kita meneliti lebih mendalam lagi masalah yang akan kita hadapi jikalau kita

menerima doktor seperti ini ianya akan timbul beberapa masalah. Selain daripada itu ialah masalah ganjaran, remuneration ataupun gaji sama ada mereka sanggup umpamanya doktor dari Australia, New Zealand, dari Amerika Syarikat dan Eropah sanggup menerima gaji, ganjaran yang kita beri di sini. Berlain sekali bagi doktor-doktor yang kita terima di sini dengan perjanjian daripada Kerajaan kepada Kerajaan. Itu memang pihak kita telah menentukan kesesuaian doktor seperti itu.

Tuan Pengerusi, beliau telah menimbulkan kelambatan memberi jawatan kepada doktor-doktor yang telah lulus. Bagi pihak Kementerian kita sentiasa menghubungi jabatan-jabatan yang berkenaan supaya mempercepatkan lagi recruitment kepada doktor-doktor ini. Tadi saya tidak berapa dengar sangat mengenai decentralisation of facilities di hospital ke kawasan-kawasan Kepong. nantilah saya akan bertanya dengan Yang Berhormat itu sendiri, Tuan Pengerusi. Beliau juga telah menyebut tentang Kementerian Kesihatan patutlah mengambil berat dalam masalah penyalahgunaan dadah, masalah penagih dadah dan mengadakan unit khas untuk detoxification dan juga melatih pegawai kebajikan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum rawatan kepada pesakit penagih dadah ini merupakan dua tingkat iaitu satu dengan mengadakan detoxification. Ini yang kita buat. Tiap-tiap hospital kita di negeri ini merupakan pusat detection centre untuk mengesan penagih-penagih dadah ini dan selepas itu hospital yang besar, seperti hospital daerah merupakan tempat-tempat di mana kita menawarkan pesakit-pesakit ini iaitu detoxification. Saya telah pergi di Hospital Tampoi di Johor melihat bagaimana pakar kita di sana telah menjalankan satu kajian yang agak baru atau luar biasa bagaimana mereka dapat detoxifykan pesakit-pesakit ini dengan menggunakan acupuncture. Saya tidak mahu bercakap panjang dalam masalah ini tetapi suka saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa memang kita sentiasa memberi pandangan yang berat atas masalah ini terutama sekali Kerajaan kita memberi perhatian yang begitu berat atas masalah penagih dadah yang merupakan satu masalah security.

Mengenai masalah melatih Pegawai Kebajikan bagi pihak kita, selepas kita

detoxify itu, masalah pemulihan semula adalah tanggungjawab Kementerian Kebajikan Am. Saya rasa melatih Pegawai Kebajikan ini mungkin kita boleh tugaskan kepada Kementerian tersebut.

Beliau telah menyebut tentang masalah perkhidmatan ibu dan kanak-kanak dan beliau telah meminta supaya poliklinik ditubuhkan di Kepong. Ini saya akan ambil perhatian. Tetapi sukalah saya menyatakan bahawa perkhidmatan ibu bersalin dan rawatan kanak-kanak memang merupakan satu program yang istimewa kalau kita lihat di dalam Order Paper 37/80 yang berwarna biru itu, memang ada disebutkan di sana, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat dari Tumpat telah menyebutkan masalah penubuhan Fakulti Perubatan yang akan ditubuhkan di Kelantan iaitu di Hospital Kubang Kerian. Ini merupakan satu langkah yang sangat baik kerana dengan adanya penubuhan Fakulti Perubatan yang ketiga ini maka dapatlah kita menambah bilangan doktor-doktor kelulusan tempatan. Setakat ini kedua-dua buah universiti kalau tidak salah ingatan saya dapat mengeluarkan lebih kurang 240 doktor dalam setahun dan kita berharap Hospital Kubang Kerian di Kelantan ini akan dapat mengambil penuntut-penuntut clinicalnya dalam tahun sesi 1982/1983. Kita rasa keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan menubuhkan Fakulti Perubatan di Kelantan itu merupakan satu langkah yang bijak. Oleh kerana dengan adanya penubuhan Fakulti yang ketiga ataupun latihan perubatan di negeri Kelantan ianya tentu sekali akan meningkatkan dengan lebih tinggi lagi standard perkhidmatan perubatan di negeri Kelantan. Banyak pakar-pakar akan pergi ke sana.

Selain daripada itu ialah kesannya akan merupakan satu kesan yang baik iaitu sikap doktor-doktor kita nanti. Kalau kita lihat sekarang, memang ada di kalangan pegawai-pegawai kita bukan sahaja dalam bidang perubatan bahkan dalam jawatan lain kadangkala mereka itu segan hendak pergi berkhidmat di Kelantan. Mengapa? Tidak tahulah, Tuan Pengerusi! Tetapi dengan adanya mereka itu dilatih di sana the speed of effect ialah mereka mengetahui sebenar-benarnya keadaan di sana. Ini mungkin merupakan satu side effect yang baik terhadap penubuhan Fakulti Perubatan di sana.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya mengadakan professional prospect di kalangan doktor-doktor, ini tidaklah begitu baik kalau dibanding dengan pegawai tadbir. Begitu juga saya ingat Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pun ada menyebut masalah professional prospect kepada pegawai-pegawai ini. Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah pernah mengumumkan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian kita ini dan kita telah mendapat persetujuan daripada pihak Kerajaan untuk menambahkan lagi peluang-peluang naik pangkat, menambahkan lagi up-grading, dengan adanya revision gaji baru, penambahan pensen dan lain-lainnya dan juga dengan adanya rancangan baru yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, saya rasa career prospect dalam Kementerian Kesihatan dan Kerajaan adalah baik.

Yang Berhormat dari Tumpat juga telah mencadangkan supaya mengadakan perkhidmatan sambilan oleh doktor-doktor private dengan Kerajaan memberi ganjaran yang agak mencukupi, dengan cara begini mungkin dapat mengatasi kekurangan doktor-doktor di hospital kita.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat sepintas lalu rancangan ini merupakan satu cadangan yang baik, tetapi kalau kita teliti, ada akibat-akibat yang tidak baik. Oleh itu perkara ini telah dikaji oleh Kementerian ini bahkan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Dewan ini telah meluluskan undang-undang di dalam persidangan yang lepas di mana kita boleh membenarkan doktor-doktor, pakar-pakar bekerja di hospital kita sebagai volunteer dan mereka ditawarkan oleh pihak Kerajaan dari segi motivation. Tetapi cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa sulit sedikit hendak kita laksanakan oleh kerana akibat-akibat yang mungkin timbul.

Yang Berhormat dari Sungai Petani telah merayu supaya Hospital Sungai Petani dibuat dengan lebih baik. Saya rasa usaha sedang dibuat oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh hospital ini dan kalau tidak salah ingatan saya memang ada satu rancangan untuk membaiki dan menambah lagi wad-wad di hospital tersebut. Beliau juga telah menyebut tentang kurangnya penyemburan minyak bagi membunuh nyamuk-nyamuk dan beliau juga telah menyatakan bahawa suri rumahtangga telah

disalahkan kerana mereka membuat bunga-bunga yang bertakung dengan air di rumah. Sebenarnya nyamuk aedes ini selalu terdapat di dalam rumah dan saya rasa kita boleh mengelak perkara ini dengan menaruh ubat yang disebut "abate", kalau tidak salah ingatan saya. Mengenai penyemburan minyak ini, mungkin di Sungai Petani bidang kuasa ini patut dilaksanakan oleh Local Authority. Kementerian Kesihatan ataupun Medical Officer merupakan pegawai yang menasihati Majlis ini menjaga kesihatan di kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah bertanya bilakah Kerajaan akan mendirikan klinik di kawasannya dan supaya Kementerian ini mengambil pandangan yang serius. Saya tidak dapat mengetahui kawasan yang mana yang dimaksudkannya. Kalau dengan menyebut Batang Lupar, itu besar. Tetapi memang ada kita mendirikan beberapa buah Klinik Desa bahkan dalam rancangan tahun ini kita pun akan mendirikan beberapa buah klinik di kawasan luar bandar di negeri Sarawak bahkan di kawasan Yang Berhormat sendiri belum lama dahulu saya telah merasmikan satu Klinik Desa tetapi malangnya beberapa bulan dahulu saya dengar cerita bahawa rumah tumpangan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan telah hangus dan ianya akan dibina lagi. Insya Allah saya akan menghubungi Yang Berhormat itu untuk menyiasat dengan lebih tepat lagi di mana dimaksudkannya.

Beliau juga telah mencadangkan supaya kita menambah kakitangan dengan memberi tambahan latihan sama ada di bidang doktor dan jururawat dan lain-lain. Ini memang sentiasa kita buat, bahkan di Sarawak sendiri kita akan mendirikan dua lagi pusat latihan untuk kakitangan Jabatan Perubatan selain menghantar jururawat-jururawat kita berlatih di Semenanjung Malaysia ini. Begitu juga tempat-tempat disediakan untuk anak-anak kita termasuk juga dari Sarawak berlatih menjadi doktor sama ada di universiti tempatan mahupun di luar negeri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mencadangkan supaya kita menghapuskan kelas-kelas ataupun tingkatan-tingkatan ini iaitu kelas satu, dua dan tiga, kerana ianya membeza-bezakan pesakit dan juga menimbulkan serba sedikit kesulitan, kesukaran kepada kakitangan kita, jururawat-jururawat dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, daripada segi service, daripada segi rawatan tidak ada perbezaannya sama ada seorang itu duduk di kelas tiga ataupun di kelas satu tetapi perbezaannya hanya ada privacy sedikit, comfortnya lebih sedikit bagi kelas satu dan begitu juga tentang makanannya adalah lebih baik sedikit. Tetapi saya tidak yakin bahawa kita dapat menghapuskan perkara seperti ini, kerana kadangkala timbullah masalah apabila Wakil Rakyat umpamanya pergi ke hospital diletakkan di kelas tiga, dia komplek, katanya dia VIP. Inilah yang menjadi masalah kadangkadang timbul perkara yang seumpama ini, bahkan Kerajaan ataupun negara yang mengakui bahawa mereka tidak merupakan satu negara classless system. Umpamanya, di negeri-negeri komunis, saya tidak percaya seperti mana Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sendiri dengan saya waktu dia pergi ke USSR menyaksikan bahawa di sana memang ada kelas perbezaannya.

Yang Berhormat juga telah menyebut supaya menghantar pakar untuk menjalani latihan tentang penyakit jantung, perkara ini disebutkan juga oleh Yang Berhormat dari Pagoh dan beliau telah banyak membuat beberapa cadangan yang saya rasa cadangan-cadangannya baik.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak bercakap panjang sedikit atas masalah ini. Kalau kita lihat dalam suratkhbar hari ini bahawa BAKTI iaitu satu pertubuhan yang dianggotai oleh isteri-isteri daripada Menteri-menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri telah memberi derma kepada pesakit-pesakit jantung ini, kita juga bersama-sama mengucapkan syukur kepada Allah dan juga menghargai dan berterima kasih atas tindakan yang telah diambil oleh mereka.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan kita sedang mengambil satu tindakan yang betul-betul positif untuk menubuhkan Pusat Pembedahan Jantung ini.

Sepertimana yang disebutkan oleh pakar jantung kita dalam surat khabar hari ini, Dr Zainal, kemungkinannya kita dapat mengadakan pembedahan jantung di negeri kita ini seawal-awalnya atau pertengahan tahun 1982.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, minggu lepas kita telah menghantar dua orang pegawai kanan kita iaitu Dato' Dr

Khalid, Pengarah Rancangan Pembangunan di Kementerian Kesihatan, beliau juga pernah menjadi Pengarah Latihan dan Tenaga Manusia, seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dan juga kita telah menghantar seorang Pakar Cardiologist, Dr Nik Zainal, Ketua Jabatan Jantung di Hospital kita ke Australia kalau tidak salah ingatan saya pada hari Sabtu lepas 15hb, kedua-dua mereka telah balik selepas mengadakan rundingan dengan pakar-pakar di Sydney dan mereka balik bukan dengan tangan yang kosong tetapi dengan berita yang baik. Kerana pada masa ini kita mempunyai seorang anak tempatan yang berasal dari Taiping, Perak yang sedang menjalani satu latihan kalau tidak salah ingatan saya di Prince Alfred Hospital di Sydney dan juga di Prince Alexander Hospital for Children di Sydney. Kita telah diyakinkan bahawa beliau akan tamat latihannya dalam tahun 1982 dan insya Allah akan dapat menjalankan rawatan di sini—di General Hospital kita sendiri, kita harap dalam tahun 1982 jika sekiranya tidak ada gangguan-gangguan lain.

Selain daripada itu pemergian pegawai dua orang ini adalah merintis jalan untuk menentukan tempat-tempat bagi melatih kakitangan yang lain-lain iaitu Pakar Biosnya yang kita sudah pilih dan akan dihantar ke hospital tersebut dan juga kakitangan lain seperti Surgical Technician, Pumpman, Laboratory Technician, Jururawat, Intensive Care Unit dan lain-lain. Jadi Kementerian Kesihatan mempunyai satu cadangan menghantar satu team bukan individu, complete team ke Sydney Hospital di sana untuk menjalani latihan ini dan kita harap kita akan dapat menghantar rombongan ini dalam bulan Jun tahun akan datang.

Mengikut laporan yang diberi kepada saya bahawa Ketua Bedah Jantung Hospital tersebut mempunyai pandangan yang tinggi terhadap doktor kita itu dan dengan adanya beliau balik di sini nanti, mereka akan dapat memberikan sokongan lagi, ada cadangan supaya mereka datang di sini dalam masa tiga empat bulan sekali untuk memberi support kepada pakar kita di sini. Insya Allah, Tuan Pengerusi, saya rasa ini merupakan satu berita yang baik—berita yang cerah terutama sekali kepada pesakit-pesakit jantung. Dengan adanya pusat ini nanti, saya rasa dapatlah bilangan pesakit-pesakit jantung yang kita hantar di seberang laut

seperti di Manila dan di tempat-tempat lain itu akan berkurangan. Kita telah mendapat tempat untuk melatih kakitangan kita dalam bidang ini.

Selain daripada itu kita juga ada seorang Pakar Bedah Jantung yang sekarang menjalani latihan di Manila dan kita berharap dia juga akan dapat balik dan berkhidmat menolong kita. Jadi usaha sedang dibuat supaya kita dapat menjalani pembedahan jantung di hospital kita sendiri. Insya Allah kalau tidak ada gangguan—tidak ada masalah yang besar, kita akan dapat berbuat demikian dan usaha pun sedang dibuat oleh satu jawatankuasa yang diketuai oleh Pengarah Perancangan sendiri menentukan tentang tempat dan juga alat-alat dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan supaya pihak Kementerian ini mengadakan skim jangka panjang mengenai pakar-pakar ini.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kita menerima siapa juga yang datang ke sini yang mempunyai kelayakan, yang boleh berdaftar di sini berkhidmat dengan kita, dan beliau telah mencadangkan beberapa faktor iaitu masalah syarat gaji, prospect naik pangkat atas berdasarkan merit individu dan juga peluang melanjutkan pelajaran.

Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya di Dewan ini dalam salah satu daripada soalan beberapa hari yang lalu, saya telah menjawab masalah ini dan saya rasa tidak perlulah saya menjawab dengan lebih panjang lagi, selain daripada mengatakan bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat semuanya saya rasa sudah dibuat bahkan Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan atas masalah ini.

Yang Berhormat dari Pantii meminta supaya Kementerian ini memberi perhatian yang lebih serius kepada kesihatan anak-anak kita dan juga kesihatan luar bandar ibu mengandung. Sebenarnya perkhidmatan kesihatan anak-anak dan ibu mengandung ini merupakan satu program yang khas yang mana membuktikan bahawa pandangan yang berat diberikan oleh Kementerian terhadap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Beliau juga telah meminta supaya memperbaiki semua hospital-hospital daerah dan

banyak lagi hospital-hospital daerah ini sudah lapok dan tidak mempunyai alat-alat yang begitu baik, ini sentiasa dijalankan. Kalau kita lihat pada tiap-tiap tahun peruntukan memang disediakan, dipinta untuk memperbaiki hospital-hospital ini dan membaharui segala alat-alat, sama ada daripada medical equipmentnya mahupun daripada segi perabotnya tetapi tidaklah dapat kita hendak memperbaiki semua hospital dengan secara serentak. Saya rasa patutlah bersabar dalam masalah ini.

Beliau juga telah menyebut kekurangan doktor-doktor yang mana saya telahpun jawab tadi.

Mengenai quota ini, Tuan Pengerusi, beliau telah menyebut bahawa kawasan itu mempunyai quota 8 orang tetapi habis banyak sehingga 4, sekarang hanya tinggal 3. Masalah ini relative, walau bagaimanapun saya rasa kita ambil perhatian atas permintaan Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menimbulkan beberapa perkara, termasuklah masalah menubuhkan Pusat Rawatan Pembedahan Jantung dan beliau mencadangkan supaya usaha yang tegas dan berkesan diambil oleh Kementerian ini dalam menentukan penubuhan Pusat Pembedahan Jantung ini. Beliau telah membuat beberapa cadangan, iaitu tentang kajian mengenai extent penyakit jantung ini dan langkah-langkah segera yang patut diambil. Beliau juga telah mencadangkan supaya kita menubuhkan tabung khas dan masalah rawatan kawalan. Setakat yang saya tahu bahawa tidak merupakan satu kajian yang lengkap tetapi memang ada dikajikan oleh pakar jantung kita tentang extent penyakit ini dan ianya merupakan salah satu penyakit yang banyak juga. Saya berterima kasih atas cadangan beliau itu.

Mengenai penubuhan sebuah unit khas di University Hospital untuk pembedahan jantung, di sana memang ada Unit Pembedahan Jantung di University Hospital tetapi apa yang kita hendak tubuhkan di General Hospital kita sendiri di sini. University Hospital itu merupakan hospital di bawah jagaan Kementerian lain dan ianya merupakan satu Teaching Hospital dan setakat yang saya tahu objektif ataupun falsafah di kedua-dua hospital ini—General Hospital dengan Teaching Hospital itu adalah berbeza.

Bagi General Hospital ini kita berorientasikan kepada service dan Teaching Hospital itu berorientasikan kepada pengajaran dan kajian.

Mengenai cadangan beliau supaya mendapatkan tempat-tempat latihan bagi pakar-pakar kita, beliau telah mencadangkan di Filipina dan lain-lain. Ini memang kita sentiasa buat bukan sahaja di Manila bahkan di tempat-tempat lain seperti saya katakan tadi, kita telah diberi jaminan beberapa tempat untuk melatih kakitangan kita, termasuklah pakar-pakar di Australia dan juga di Britain. Dan kita akan berusaha mendapatkan tempat-tempat lain bagi melatih pakar-pakar kita, sama ada pakar professional atau pra-perubatan.

Mengenai rayuan beliau supaya memperbaiki Hospital Daerah Muar, insya Allah saya akan mengambil perhatian atas masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa sudah panjang sangat ulasan saya atas jawapan ini, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sukalah saya menyentuh sedikit dengan secara umum bahawa peruntukan yang dipohon ini adalah untuk melaksanakan objektif Kementerian Kesihatan untuk membantu seseorang individu supaya dapat mencapai dan mengekalkan sesuatu taraf kesihatan bagi membolehkan kehidupan ekonomi dan sosial yang productive dan dengan secara tidak langsung dapat membasmikan kemiskinan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Peningkatan taraf kesihatan adalah merupakan hasil usaha seumur hidup yang bermula dengan kegiatan menjaga kesihatan ibu-ibu hamil sehinggalah bayi yang dilahirkan mencapai dewasa. Melalui program kesihatan keluarga, rawatan pesakit, kawalan mutu makanan, pendidikan kesihatan dan sebagainya Kementerian Kesihatan membantu kanak-kanak menyerap pelajaran ilmu di sekolah supaya dapat meninggikan peluang kepada mereka untuk memperolehi atau mengerjakan pekerjaan yang lebih productive. Dalam bidang lain pula Kementerian menggalakkan amalan kesihatan yang baik, terutamanya di kalangan rakyat yang daif.

Aspek-aspek pencegahan penyakit seperti rancangan bekalan air dan kebersihan sekeliling bertujuan untuk mengurangkan kejadian penyakit yang merebak melalui kekotoran air. Pengurangan atau penghapusan penyakit demikian memberi manfaat kepada rakyat secara meninggikan lagi productivity mereka. Program kesihatan adalah sektor pencegahan dan penggalakan (preventive dan promotive) sektor penyembuhan dan pemulihan serta sektor sokongan (supportive), semuanya memberi sumbangan terhadap penyampaian atau penimbangan peluang-peluang kepada golongan kaum dan pendapatan.

Kementerian saya sukalah menyatakan di sini akan melaksanakan strategi yang kita telah cadang atau putuskan bagi memberi manfaat kepada rakyat negara kita ini, terutama sekali dalam bidang pencegahan berbanding dengan rancangan rawatan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja jawapan saya dalam beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana perkara-perkara yang telah tidak dijawab, insya Allah saya akan mengambil perhatian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$891,918,100 untuk Maksud B. 39 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$891,918,100 untuk Maksud B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$119,768,265 yang disebutkan dalam Maksud P. 39 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$119,768,265 untuk Maksud P. 39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 40, B. 41, B. 42, B. 43, B. 44, B. 45 dan B. 46 (Jadual)

Maksud P. 41, P. 42, P. 45 dan P. 46 (Anggaran Pembangunan, 1981)

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini Maksud Bekalan B. 40, B. 41, B. 42, B. 43, B. 44, B. 45 dan B. 46 dan juga Maksud Pembangunan di bawah P. 41, P. 42, P. 45, dan P. 46 berjumlah kesemuanya \$1,402,262,082 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.20 ptg.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh muka surat 397, B. 40 Butiran 1100, Aktiviti (3) Keselamatan Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, memandangkan keadaan negara kita masa ini, saya rasa walaupun beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini telah dijelaskan oleh pihak Menteri berkenaan iaitu berhubung dengan kekurangan anggota-anggota polis di Balai-balai Polis terutama sekali di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu bagaimana cara keutamaan diberi bagi menempatkan anggota-anggota polis di Balai-balai Polis sama ada bergantung kepada keramaian penduduk sesuatu kawasan atau adakah berdasarkan berapa banyak berlakunya jenayah di sesuatu tempat itu. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengharapkan supaya di dalam menempatkan anggota-anggota polis di Balai-balai Polis hendaklah diutamakan kepada kawasan-kawasan keselamatan iaitu kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sempadan sebagaimana juga kawasan saya Parlimen Padang Rengas.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya sukacita kerana walaupun kita kekurangan anggota polis sebagaimana hari ini kita kekurangan pusat-pusat tempat latihan tetapi satu perkara yang menggembirakan penduduk-penduduk luar bandar terutama sekali di kawasan sempadan ialah dengan adanya Pasukan Unit Kawalan Kawasan atau Keselamatan (UKK) yang ditubuhkan di kawasan-kawasan bagi membantu Pasukan Polis.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah anggota UKK ini ditubuhkan sebagaimana kita menubuhkan Pasukan Polis Khas di masa darurat dahulu. Jadi saya berharap anggota-anggota unit UKK ini hendaklah diambil kira supaya mereka dapat diberi kemudahan-kemudahan perkhidmatan dan pencen sebagaimana pegawai-pegawai Kerajaan yang lain dan pasukan ini hendaklah dibesarkan lagi kerana bukan sahaja dapat menolong anggota-anggota polis yang kekurangan di Balai-balai Polis, tetapi mereka ini dapat membantu di dalam hal-hal kebajikan yang dijalankan oleh Pasukan Polis di kawasan-kawasan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pasukan UKK ini, saya hendak menyentuh sedikit satu pasukan yang ditempatkan berhampiran dengan kawasan saya iaitu di kawasan Air Kala.

Tuan Pengerusi, kita semua maklum kawasan ini suatu kawasan yang sensitif, saya tidak hendak menerangkan lebih lanjut kedudukannya tetapi apa yang saya berasa bimbang ialah kalau kita memandangkan sama ada Pasukan Tentera yang hendak melalui kawasan ini ke sempadan Gerik, mereka tidak dapat pergi ke sana atau melalui kawasan ini selagi tidak ada pasukan berperisai mengiringi mereka ke sana. Begitu juga apakala Pasukan Polis Hutan daripada selatan hendak ke sempadan melalui kawasan ini mereka terpaksa menunggu Pasukan Perisai bagi mengiringi mereka untuk menjamin keselamatan. Saya berasa hairan kerana pasukan UKK yang ditempatkan di kawasan Air Kala yang mengawasi Daerah kecil Lenggong, termasuk membantu Pasukan Polis di Balai Polis Lenggong, mereka hanya menggunakan sebuah land rover terbuka yang berulang alik tiap-tiap hari sama ada dalam menjalankan kerja-kerja membantu polis atau menjalankan kerja gotong-royong yang dijalankan oleh daerah ini. Saya harap supaya sebagaimana kata pepatah Melayu hendaklah kita beringat-ingat sebelum kena, sediakan payung sebelum hujan. Apa salahnya kalau kita dapat memperuntukkan kereta yang berperisai sama ada land rover yang berperisai yang digunakan oleh pasukan ini.

Selain daripada itu, saya juga berterima kasih bila mendengar ada ura-ura hendak menubuhkan satu lagi unit UKK ini di dalam kawasan saya iaitu berhampiran dengan

Kampung Baru Leman Kati, Kuala Kangsar. Saya harap oleh kerana daerah Kuala Kangsar juga kekurangan Pasukan Polis, unit ini hendaklah ditubuhkan dengan segera di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, bagi mengeratkan lagi perhubungan di antara penduduk-penduduk kampung dengan polis iaitu sebagaimana sekarang ini kita telah adakan pondok-pondok polis di kampung-kampung bagi membantu kerja-kerja polis dan juga mengeratkan lagi hubungan di antara penduduk kampung dengan polis, saya rasa hendaklah dibanyakkan lagi pondok-pondok polis kampung ini terutama sekali kampung-kampung yang di pedalaman yang susah hubungannya dengan Balai-balai Polis yang ada di pekan-pekan.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh muka surat yang sama, 397, B. 40, Butiran 1100, Aktiviti (5) Ikatan Relawan Rakyat.

Tuan Pengerusi, kita selalu mendengar iaitu pihak Kementerian ini akan membesarkan lagi Pasukan Relawan ini seberapa yang boleh. Saya mengharapkan selain daripada kita hendak membesarkan Pasukan RELA ini perkara yang penting juga hendaklah diambil kira, ialah mutu Pasukan RELA ini hendaklah diambil perhatian yang berat juga oleh kerana kalau kita ada Pasukan RELA yang ramai sekalipun tetapi tidak bermutu, saya rasa tidak mendatangkan suatu faedah yang besar kepada kita, oleh kerana hari ini Pasukan RELA ini begitu ramai, kita tidak dapat hendak memberi latihan yang sempurna kepada mereka oleh kerana apa yang saya dapat tahu ialah kekurangan Pegawai-pegawai RELA yang ada di daerah-daerah.

Umpamanya, saya beri satu contoh Pegawai RELA Daerah Kuala Kangsar yang terpaksa mengawasi kawasan Parlimen Padang Rengas, Kuala Kangsar dan Sungai Siput. Jadi bagi seorang pegawai untuk hendak mengawasi kawasan yang begitu besar saya rasa tentulah tidak dapat menjalankan kerjanya dengan sempurna.

Perkara lain berhubung dengan RELA ini juga, saya menarik perhatian pihak Timbalan Menteri iaitu di dalam kita hendak menggunakan senjata yang diberikan kepada Pasukan RELA ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa walaupun tujuan kita memberi senjata kepada Pasukan RELA ini ialah untuk hendak menjaga keselamatan kita daripada serangan musuh, tetapi apalah salahnya kita memberi kebenaran kepada pihak RELA ini menggunakan senjata bagi membunuh musuh-musuh tanaman pertanian dan sebagainya kerana apa yang saya tahu dalam kawasan saya senjata RELA ini tidak boleh digunakan untuk membunuh musuh-musuh tanaman.

Jadi dengan sebab jarang berlaku ataupun latihan yang diberi kepada Pasukan RELA ini dan peluru-peluru yang diberi kepada Pasukan RELA itu jika tidak digunakan lama-lama akhirnya langsung tidak boleh digunakan. Dengan sebab itu, saya rasa tidaklah menjadi salah kita membenarkan kepada Pasukan RELA ini menggunakan senjatanya dengan peraturan yang tertentu bagi mereka mengawal musuh-musuh tanaman atau pertanian mereka.

Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa hampir cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Umar bin Haji Ismail:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Petaling.

5.29 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak sebut B. 43, Pendaftaran Pertubuhan yang timbul satu hal yang sekarang boleh dikatakan dalam tanahair kita dan di dunia ada menjadi satu perhatian ialah mengenai usaha, ikhtiar Pendaftar Pertubuhan untuk tarik balik atau meminta ALIRAN untuk show cause, tunjuk sebab-sebab kenapa Pendaftaran atau Sijil Pendaftaran ALIRAN tidak patut dibatal oleh kerana bahawa Presiden ALIRAN satu badan social reformasi ada mengeluarkan satu kenyataan yang membantah, yang mengkritik mengenai kenaikan elaun-elaun dan gaji-gaji kakitangan kakitangan Kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, muka surat 418, B. 43 dalam Pendaftaran Pertubuhan, Butiran berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Butiran 1100 Gaji dan Upahan.

**Tuan Pengerusi:** Gaji dan Upahan, baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Mengenai satu surat kepada ALIRAN mengenai tidak patut distrike off register oleh kerana kenyataan Presiden ALIRAN yang mengkritik kenaikan gaji-gaji kakitangan Kerajaan baru-baru ini. Ini satu perkara yang sangat terperanjat khasnya oleh kerana di negara kita satu negara yang menjalankan parliamentary democracy ada satu unsur yang tidak boleh dikesualikan ialah mesti ada satu society yang terbuka, satu open society di mana isu-isu negara, isu-isu contemporary ada tempat untuk dibincang, bukan sahaja parti politik tetapi juga badan-badan yang ada social conciousness, khasnya tujuan ALIRAN dengan izin, ialah: The aims of the ALIRAN shall be to promote a common sense of nationhood and a genuine understanding of development.

Ini adalah satu badan yang mahu memupuk satu nationhood bersama untuk semua rakyat, semua warganegara dan satu fahaman erti yang sebenar pembangunan dan dalam tiga tahun pertubuhan ALIRAN tidak boleh dinafikan ALIRAN ada buat sumbangan (contribution) yang sangat bererti kepada satu intellectual awareness dan conciousness mengenai isu-isu yang penting mengenai ertinya nation-building, mengenai ertinya corruption, mengenai ertinya demokrasi dan lain-lain melalui forum, melalui perbincangan dan melalui buku-buku kecil.

Saya rasa ini satu contribution yang bukan sahaja mengikut tujuan-tujuan badan ini, tetapi satu contribution yang mesti diwelcome oleh Kerajaan. Satu masyarakat yang terbuka mahu warganegara kita boleh fikir dan bukan a nation of sheep tetapi satu negara di mana alive dan active mengenai masalah-masalah yang kita menghadapi dan sebab-sebab yang dikeluarkan kenapa mahu tarik balik sijil pendaftaran oleh kerana keluaran kenyataan kritik kenaikan gaji. Saya rasa satu alasan yang tidak boleh diterima oleh kerana bukan sahaja ALIRAN yang ada kritik kenaikan gaji daripada segi sosial sama ada baik atau tak baik daripada segi sosial dan bukan sahaja daripada segi politik, Consumers Association of Penang

(CAP) dan lain-lain badan bukan politik selain daripada badan-badan politik, pemimpin-pemimpin politikpun ada membuat pendirian atas perkara ini.

Pada mulanya apabila ada show cause letter dikeluarkan saya dapat tahu, dan kalau saya tak silap pegawai ALIRAN dapat tahu bahawa inilah satu perkara administrative dan bukanlah apa-apa. Tetapi nampaknya apa yang berlaku hari ini yang menunjuk bahawa ini bukan satu perkara administrative oleh kerana mengikut laporan dalam suratkhbar bukan sahaja Star, New Straits Times dan lain-lain di mana ada dilaporkan bahawa Pendaftaran Pertubuhan ada menulis surat kepada ALIRAN meminta lebih banyak penjelasan-penjelasan, khasnya mengenai pendirian ALIRAN atas Rukunegara oleh kerana dua tahun dahulu ada satu permohonan untuk meminda tujuan-tujuan ALIRAN untuk mengatakan bahawa objektif memupuk common sense of nationhood and genuine understanding of development in accordance with universal ethical values—menggantikan “with the aspirations of the Rukunegara.”

Dan kalau saya tidak silap masa itu Pendaftaran Pertubuhan ada bertanya kenapa tidak boleh terus menggunakan Rukunegara oleh kerana mungkin inipun melibatkan universal ethical values dan ALIRAN pun menerima cadangan itu dan perkara inipun sudah selesai. Dan kenapa hari ini timbul satu query? Kenapa dua tahun dahulu ada permohonan untuk meminda perkara ini, apabila perkara ini sudah selesai dan kedua apabila sebab-sebab yang dikeluarkan untuk mahu tarik balik sijil pendaftaran ialah kenyataan mengenai kenaikan gaji dan bukan mengenai apa yang berlaku dua tahun dahulu. Ini menunjukkan bahawa nampaknya langkah ini terhadap ALIRAN bukan satu langkah purely administrative tetapi nampaknya satu policy decision yang menganggap ALIRAN oleh kerana non-partisan oleh kerana ALIRAN boleh dikatakan satu badan dalam negara ini yang tunggal atau yang dikatakan bahawa tidak ada seorangpun yang ada berjawatan politik mana-mana parti boleh menjadi office-bearers dalam ALIRAN, satu badan non-political, social reform dan cuba transcend semua ugama oleh kerana semua ugama ada nilai-nilai yang bersama untuk mengajar apa yang baik kepada manusia dianggap sebagai satu ancaman

oleh establishment kerana saya tidak faham mungkin untuk puak-puak yang kuasa mereka berasas kepada satu fahaman yang sempit baik pun satu fahaman satu agama dan tidak mahu semua agama lebih boleh dapat satu persafahaman yang lebih erat berasas common ethical values.

Ini satu ancaman kepada power base dan saya sangat concerned dengan ucapan-ucapan tokoh-tokoh Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kalau tak silap saya dua tiga hari dahulu mengenai conspiracy percubaan oleh non-Malay Muslims untuk melemahkan pimpinan politik-Melayu melalui cara-cara ajaran-ajaran atau lain-lain. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan sebenarnya describing ALIRAN. Kalau begitu, saya rasa kalau kita tengok komposisi jawatan-jawatan atau mereka yang bertanggungjawab sebenarnya itu multi-racial, multi-religious dan tidak terhad kepada satu agama dan yang diterangkan dalam tujuan ALIRAN ialah untuk memupuk, inculcate nilai-nilai ethical yang bersama supaya kita sebagai seorang manusia kita sebagai seorang warga-negara (Malaysian) ada values yang boleh mengeratkan kita. Bukan semua pendirian ALIRAN pihak kita di sini menerima, tetapi atas satu prinsip bahawa dalam negara kita mesti ada tempat untuk badan-badan sebagai ALIRAN dan lain-lain social reform movement.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Dan percubaan untuk memberikan satu gambaran ada theory of conspiracy, ada network dan lain-lain lagi saya rasa sangat dikesali dan bukan satu masalah yang sangat simple. Saya tidak tahu sama ada perkara ALIRAN merupakan satu a new repression yang akan datang dalam negara kita oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk sekat semua kebebasan, semua persatuan-persatuan, pertumbuhan-pertumbuhan. Kalau begitu mungkin kita akan menghadapi a new darkness— a new darkness akan turun dalam masyarakat kita. Saya harap satu penjelasan dan satu jawapan yang terus terang boleh diberikan kenapa sekarang langkah-langkah ini diambil terhadap ALIRAN.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.40 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 397, Maksud B .40, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Keselamatan Sempadan.

Tuan Pengerusi, walaupun kita telah mempunyai Unit Kawalan Kawasan di Sempadan- sempadan, saya ingin mencadangkan bahawa konsep memagar Sempadan di antara Malaysia-Thai hendaklah diteruskan bukan sahaja setakat apa yang wujud di Perlis hari ini. kerana kesan yang kita dapati daripada memagar di antara Sempadan Malaysia-Thai ini adalah bukan sahaja di segi keselamatan, bahkan juga di segi soal-soal penyeludupan. Di samping itu juga untuk keselamatan Sempadan ada hubungannya dengan Aktiviti (5)—Ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang terdapat di Sempadan.

Saya mengharapkan supaya yang pertama, unit-unit RELA hendaklah ditambahkan kerana saya dapati terutama sekali di kawasan saya Tanah Merah, Kelantan adalah tidak mencukupi.

Yang kedua unit-unit ini hendaklah kita bekalkan dengan senjatapi atas kadar enam atau lapan senapang patah pada tiap-tiap unit, ertinya hanya dua orang sahaja daripada sepuluh orang satu unit yang tidak memegang senapang patah.

Selain daripada itu juga, Tuan Pengerusi, mengenai senapang patah ini hendaklah juga dibekalkan dengan peluru yang cukup kerana tidak memadai mempunyai senapang tanpa peluru yang cukup.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai Balai-balai Polis ataupun Pos-pos Polis yang terdapat di kawasan-kawasan atau di daerah-daerah yang bersempadan ada hubungan dengan keselamatan sempadan. Saya mengharapkan bahawa dalam lengkongan yang tertentu misalnya bagi semua daerah-daerah di kawasan Sempadan ertinya kalau di Kelantan, Jajahan Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah dan sebahagian daripada Ulu Kelantan kita jangan lagi mengadakan Polis Forces ataupun Polis-polis kampung di mana pegawai-pegawai polis yang ditugaskan itu hanya mempunyai 2-3 orang sahaja pada suatu tempat. Seelok-eloknya Tuan Pengerusi, hendaklah adakan sekurang-kurangnya 10 orang bagi tiap-tiap

satu unit atau pengkalan polis di daerah-daerah yang berkenaan kerana sebab-sebab keselamatan.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, kita mengharapkan bahawa pihak polis yang terdapat di kawasan-kawasan Sempadan ini hendaklah diup-gradekan, ertinya hendaklah mana-mana Balai Polis yang ada hari ini hanya diketuai oleh Kopral atau Sarjan maka sudah sampai masanya Balai-balai Polis ini hendaklah diup-gradekan supaya dikepalai oleh Inspektor atau sebagainya. Saya tidak menafikan bahawa Kopral ataupun Sarjan itu dapat menjalankan tugas mereka masing-masing, tetapi dengan adanya pegawai-pegawai yang lebih kanan, pegawai-pegawai yang lebih tinggi maka keadaan perjalanan pengurusan polis di tempat-tempat berkenaan akan lebih mendapat penghormatan bukan sahaja daripada penduduk tempatan bahkan juga musuh-musuh yang mungkin akan datang ke negara ini.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran (4)—Tapisan Filem dan Penerbitan.

Akhir-akhir ini agak nya oleh sebab keadaan ekonomi negara ini agak lebih baik sedikit sudah mulai timbul kembali buku-buku kecil yang dapat dibaca dalam masa 2-3 jam yang halamannya di antara 100 hingga 150 muka, yang setelah dibaca adalah jelas buku-buku ini adalah lucu. Mungkin pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak berkesempatan untuk membaca kesemua buku-buku ini, Alhamdulillah saya telah mempunyai peluang membaca beberapa buah daripada buku ini dan saya dapati buku ini kiranya dapat dibaca dan telahpun dibaca oleh anak-anak kita yang di bangku sekolah maka ianya boleh membawa kesan yang tidak sedikit, ertinya parah kesannya, apatah lagi melibatkan bahasa yang digunakan dan juga keterangan yang diberi dengan segala-galanya adalah begitu mudah yang menyenangkan pembacaan walau sesiapa sekali pun dapat membacanya. Dengan hal yang demikian, saya minta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menyemak semula penerbitan-penerbitan overnight ini supaya buku-buku ini dapat ditapis dan kalau perlu dibuat siasatan serentak supaya semua buku-buku ini diconfiscatekan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya berhijrah kepada muka surat 418 Maksud B. 43—Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am.

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu-waatala kerana saya juga berkesempatan mengikuti beberapa penerbitan yang dikeluarkan oleh ALIRAN Kesedaran Kebangsaan yang dipusatkan di Pulau Pinang. Saya tidak menafikan beberapa penerbitan yang dikeluarkan oleh ALIRAN sama ada buku-bukunya, sama ada mengenai asas-asas perjuangan ALIRAN maka buku-buku ini mempunyai kandungan yang baik, maka itulah sebabnya sebelum daripada sebulan dua ini pihak Pendaftaran Pertubuhan tidak pernah mengambil sebarang tindakan terhadap Persatuan ALIRAN ini. Tetapi dengan adanya kenyataan yang diberi oleh ALIRAN sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi, maka sudah kenalah pada pihak Pendaftaran Pertubuhan atas sikapnya sebagai pegawai yang bertanggungjawab dalam masalah pertubuhan-pertubuhan ini mengambil tindakan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, sama ada seorang itu adalah ahli kepada satu golongan elite atau professional, maka ianya tidak dapat lari daripada soal-soal undang-undang. Saya tidak mengatakan kesemua perkara yang diperjuangkan oleh ALIRAN itu salah seperti mana yang saya katakan awal-awal tadi. Tetapi apa yang saya suka tekankan di sini ialah supaya di dalam sebuah negara demokrasi seperti yang diamalkan oleh Malaysia ini kita tidak boleh membenarkan sebarang pertubuhan untuk keluar daripada lunas-lunas ataupun undang-undang yang telah ditetapkan oleh Akta Pertubuhan tahun 1966 dan juga yang dibenarkan oleh Undang-undang Kecil Pertubuhan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya rasa langkah Pendaftaran Pertubuhan meminta "show cause", kepada ALIRAN ini bukannya perkara yang luar biasa. Kita sering kedapatan beberapa pertubuhan di masa-masa yang lepas sama ada badan-badan politik daripada parti pemerintah sendiri ataupun badan-badan sukarela yang lain yang pernah menerima nasib seperti ini dan mereka adalah diminta memberi sebab-sebab dan memberi kenyataan kepada pendaftar dan kiranya kenyataan ini tidak diberi maka sudah sewajarnya dengan kuatkuasa yang ada pada Pendaftaran Undang-undang

yang berkenaan Akta Pertubuhan 1966 itu hendaklah dikenakan kepada pertubuhan tersebut, dengan ini tidak bermakna saya mencadangkan supaya ALIRAN diharamkan.

Saya hanya menyokong kepada tindakan Pendaftar Pertubuhan kerana menjalankan tugasnya kerana kita tidak mampu mempunyai seorang Pendaftar Pertubuhan, seorang pegawai yang cuai yang tidak dapat melihat apakah perkara-perkara yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sama ada pertubuhan itu menjalankan tugas-tugasnya di dalam lengkongan Akta Pertubuhan ataupun di luar lengkongan kuasa-kuasa yang dibenarkan kepada Pertubuhan tersebut. Ini adalah perkara routine dan saya rasa tidak sepatutnyalah kita mengambil hal ini sebagai satu perkara yang luar biasa. Sama ada perkara ini telahpun mendapat sambutan daripada akhbar ataupun media antarabangsa ataupun tempatan, ini bukan menjadi masalah kita kerana sebagaimana kita maklum media antarabangsa sedikit sahaja masalah yang berlaku kepada negara ini maka sudah begitu panjang diceritakan dengan sebab-sebab tertentu, kadangkala cerita-cerita yang dibawa oleh mass media antarabangsa ini tidak begitu tepat dan kadangkadangkang adalah terlalu biased kepada apa yang berlaku sebenarnya di negara ini. Ini adalah satu perkara yang patut diambil perhatian bukan sahaja oleh pihak kita daripada Kerajaan, tetapi juga oleh pihak Pembangkang kerana ini adalah satu perkara yang biasa.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 46—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, muka surat 432, Butiran 1—Projek Ekonomi dan saya dapati Kementerian ini memohon peruntukan sebanyak \$2,526,800 untuk Projek Ekonomi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan ini saya kaitkan dengan Butiran 3—Rancangan Pengumpulan Semula, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang memohon sebanyak \$4,374,000.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, adalah dicadangkan supaya hendaknya menjadi matlamat akhir Kementerian ini khasnya dan Kerajaan kita amnya supaya semua atau setiap Orang Asli yang terdapat di negara ini hendaklah dikumpulkan dan hendaklah mereka itu dibawa ke dalam satu aliran hidup (stream of life) sebagaimana juga rakyat yang lain.

Adalah diharapkan bahawa usaha-usaha yang lebih hendaklah dijalankan supaya yang pertama, persediaan tempat-tempat kepada mereka ini bukan sahaja sesuai dengan apa yang mereka kehendaki tetapi juga hendaklah sesuai dengan keadaan zaman peralihan misalnya kita mengadakan tempat-tempat pengumpulan semula kepada Orang-orang Asli ini sekurang-kurangnya dalam masa peralihan ini mereka dapat di samping mengenali hidup secara menetap sebagaimana juga masyarakat yang lain, mereka juga sedikit sebanyak dapat hidup dalam keadaan sebagaimana yang mereka rasai atau natural habitat mereka yang ada di hutan-hutan.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.51 ptg.

**Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh peruntukan yang dibekalkan kepada Kementerian ini dalam muka surat 397, Butiran 1100, Maksud B. 40, Aktiviti (2) Keselamatan Sempadan dan Aktiviti (3) Keselamatan Negeri-negeri.

Mengenai Keselamatan Sempadan, di dalam kawasan saya berhampiran sempadan Thailand, saya dapati ada askar di sana tetapi yang malang sekali ialah jalan-jalan di kawasan sempadan itu tidak dijaga dengan begitu betul, kadangkadangkang setahun sekali pun tidak dicuci kiri kanan jalan itu yang menyebabkan jalan itu diliputi oleh pokok-pokok kayu. Oleh kerana keadaan yang begitu teruk sekali maka sukarlah bagi Pasukan Keselamatan kita menggunakan jalan-jalan itu. Oleh yang demikian, saya mintalah kalau boleh peruntukan ini ditambah lagi supaya jalan-jalan di kiri kanan jalan di sempadan ini supaya dibersihkan selalu.

Contohnya saya beri di Gubir iaitu Muda Dam, di kedua-dua belah jalan itu begitu semak-samun sehingga tidak ada siapa berani masuk menggunakan jalan tersebut sungguhpun jalan itu di bawah maintenance JKR. Saya telah berjumpa dengan pihak JKR tetapi katanya tidak ada peruntukan. Sebab itulah saya minta kalau boleh Kementerian

ini membanyakkan lagi peruntukan untuk maksud ini kerana di Gubir, Kedah ini adalah satu tempat yang terkenal dengan "booby trap". Boleh dikatakan tiap-tiap tahun orang kita kena di situ. Mungkin juga dikenakan "booby trap" ini kerana keadaannya sebegitu rupa yang perlu kita baiki dan diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Ingin saya merujuk kepada Keselamatan Negeri-negeri (State Security). Bercakap berkenaan dengan ini saya tidak boleh lari daripada perkara yang berlaku di Wisma Negeri pada awal tahun yang lepas. Kejadian itu sungguh malang sekali dan demikian juga satu lagi kejadian di Polis Station Batu Pahat diserang oleh orang-orang tertentu kerana keselamatan di dalam negeri ini tidak begitu sempurna. Mungkin juga risikan keselamatan pihak Polis tidak begitu cekap menjalankan tugasnya kerana mengikut apa yang kita tahu orang ramai telah ramai yang mengetahui atas hendak berlakunya kejadian tersebut tetapi kenapa dan sebab apa pihak Polis tidak mengambil satu-satu tindakan supaya perkara yang berlaku itu tidak mungkin berlaku dengan ada pengawasan yang begitu ketat dan sempurna.

Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada butiran yang sama. Aktiviti (5) Ikatan Relawan Rakyat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian apabila Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada memberi jawapan di dalam beberapa pertanyaan mulut, RELA ini sedang disusun semula. Saya ucapkan syabas di atas susunan semula itu dan Timbalan Menteri juga berjanji akan dilengkapkan dengan senapang yang cukup berserta dengan pelurunya sekali. Tetapi pegawai-pegawai di dalam Jabatan RELA ini ada kalanya menjalankan tugas tidak begitu sempurna. Wakil-wakil Rakyat beritahu kepada pegawai-pegawai tersebut di atas kejadian-kejadian yang tidak patut berlaku, contohnya ada pegawai-pegawai RELA yang memegang senapang yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka, terdapat juga orang-orang ini cuba menentang Kerajaan balik. Ini sungguh malang sekali berlaku perkara yang semacam ini kerana mereka inilah akan menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan tetapi di ulu-ulu, di sebelah pendalaman oleh kerana fahaman masing-masing maka

mereka itu mengambil kesempatan dan ada pula ahli-ahli RELA yang senapang diberi oleh Kerajaan itu dipinjamkan pula kepada orang lain yang tidak berhak memegang senapang. Ini pernah berlaku di dalam kawasan saya dan saya mintalah kalau boleh perkara-perkara yang semacam ini tidak mungkin berlaku dan tidak patut sangat berlaku di mana-mana juga di dalam Malaysia ini. Kalau mereka menentang atau tidak setuju dengan Kerajaan, maka apabila Wakil Rakyat ataupun Penghulu ataupun Pegawai Daerah memberitahu kepada pegawainya, mustahaklah pegawai itu ambil berat, siasat adakah tuduhan itu benar atau tidak dan beritahu balik kepada orang yang membuat laporan itu sama ada betul atau tidak.

Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada Aktiviti (7) Urusetia Dadah.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana kegiatan dadah akhir-akhir ini berkurangan sedikit daripada dahulu. Sungguhpun begitu kita tidak boleh tidur lena, tidak boleh alpa kerana perkara-perkara ini mungkin satu perkara yang dapat keuntungan yang begitu lumayan sekali kepada sesiapa juga yang berniaga dadah ini. Oleh yang demikian inginlah saya mengesyorkan kepada Kementerian ini kerana negeri Kedah, Perlis dan Kelantan adalah negeri-negeri yang bersempadan dengan negara tempat lalu-lalangnya dadah. Oleh yang demikian, dalam 3 buah negeri itu, kalau boleh seperti yang diura-urakan iaitu Unit Anjing Mengesan Dadah perlulah ditempatkan dengan segera di samping menjalankan tugas apa yang kita ada hari ini, tindakan Menteri mengadakan Unit UKK, UPP dan sebagainya, kita tambah lagi satu unit iaitu Unit Anjing Mengesan Dadah ini. Mungkin kalau kita mempunyai cukup anjing, macam saya kata tadi perniagaan dadah adalah satu perniagaan yang lumayan, mungkin mereka beralih ke laut pula.

Apabila kita ketatkan sekatan kita di sempadan, perlu juga kita beri perhatian di laut. Maka perlulah pihak Kementerian ini membesarkan Merin-merin Polis untuk menyekat dadah-dadah ini memasuki negara kita. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya saya ingin mengucapkan lagi sekali setinggi-tinggi tahniah dengan adanya kesan

yang begitu baik sekali di atas tindakan Kerajaan yang berkenaan dengan menyekat dadah mengalir ke dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada muka surat 407 Maksud P. 41 berkenaan dengan Butiran 1— Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman.

Di dalam kawasan saya ura-ura hendak mengadakan Balai Polis Daerah Sik telah begitu lama sekali. Tanah telahpun dibeli dan kewujudan Balai Polis Daerah di Sik itu begitu penting sekali kerana daerah Sik adalah satu daerah yang agak sensitif dan pendalaman yang mana pihak Polis telahpun bersetuju pada dasarnya hendak memindahkan Balai Polis Daerah daripada Gurun akan dipindahkan ke Sik tetapi mengapa dan sebab apa Ibupejabat Polis Daerah ini tidak wujud lagi sehingga sekarang ini sungguhpun macam saya kata tadi tanah telah dibeli, di mana silapnya pun saya tidak tahu.

Demikian juga sebuah lagi Police Station yang hampir 5 tahun ura-ura hendak bina di sebuah kampung yang terkenal dengan nama Kampung Pendang, hampir 5 tahun tanah telah diambil oleh pihak Polis tetapi bangunan belum ada, tanda-tanda akan wujud Balai Polis itu belum ada lagi. Tempat-tempat yang saya maksudkan di kedua-dua tempat ini adalah mustahak dan perlu kerana akhir-akhir ini jenayah banyak sangat berlaku dan kalaulah susunan Polis tidak begitu teratur di tempat ini mungkin jenayah akan bertambah lagi dimasa akan datang.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Pendaftaran Pertubuhan. Pendaftaran Pertubuhan ini sungguh menarik pihak parti Pembangkang terutama sekali Wakil dari Petaling bercakap tidak ada lain hanya masalah Pendaftaran Pertubuhan sahaja pada petang ini dan beliau kaitkan pula dengan ALIRAN yang dihebohkan dalam surat-suratkhabar akhir-akhir ini kononnya ALIRAN bukanlah polilik dan ALIRAN ini adalah satu badan Social Reform dan sebagainya. Daripada cakap-cakap dan nadanada yang disuarakan oleh wakil dari Petaling itu nampaknya DAP cuba membela pertubuhan ini dengan begitu bersungguhsungguh, mungkin juga ALIRAN ini menjadi anak kandung kepada DAP dan sebab itulah pegawai yang menjalankan tugas ini menyiasat dan mengambil tahu sebelum ia mendaftar perkara ini show-cause mestilah ditunjukkan

oleh mereka mengapa sebabnya perkara-perkara yang mereka jalankan itu tidak perlu diwujudkan lagi dan saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada pegawai-pegawai di jabatan ini kerana mereka betul-betul menjalankan tugas mereka supaya tiap-tiap pertubuhan yang berada di dalam negara kita ini biarlah pertubuhan yang betul-betul sihat janganlah diresapi ataupun dimasuki oleh anasir-anasir yang berbau politik dan lain-lain lagi.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*6.01 ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh halaman 418, Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 1100.

Saya hanya mengambil kesempatan untuk menjawab tuduhan yang begitu tidak berasas dan tidak bertanggungjawab yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang menuduh DAP membela ALIRAN. Apa yang kita cuba membela ialah satu principle iaitu ALIRAN apakah sebabnya Pendaftar Pertubuhan telah menggantung atau mengeluarkan show-cause kepada ALIRAN untuk dihentikan daripada menjalankan kegiatan-kegiatan dan gerakan-gerakan social reformnya.

Saya mencabar Ahli Yang Berhormat yang telah membuat satu tuduhan yang tidak bertanggungjawab ini menunjukkan bukti-bukti yang boleh meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa DAP adalah terlibat atau bersubhat dengan ALIRAN atau DAP ada membela mana-mana pihak pun. Apa yang DAP bela ialah keadilan. Sebab itu Dewan yang mulia dan rakyat Malaysia adalah berhak untuk mengetahui apakah sebabnya Kerajaan bertindak untuk meminta ALIRAN show cause kerana ALIRAN merupakan satu pergerakan social reform demi kepentingan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh menjawab, tetapi kalau dia tidak dapat membuktikan saya harap beliau dapat menarik balik tuduhan yang tidak benar ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda bercakap lagi dalam sidang ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh muka 420, Butiran 1100 di bawah Jabatan Pendaftaran Negara, (4)—Pendaftaran Kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhasrat untuk mempersoalkan atau menimbulkan satu isu yang kontradiksi yang selama ini dibahas dan dibincangkan khususnya baru-baru ini satu masalah yang berkaitan dengan "permanent stay". Satu perintah yang dikeluarkan kemudian dijelaskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini bukanlah keputusan daripada pihak berkenaan kerana ada salah faham atau disalah beritakan.

Walau bagaimanapun, satu pokok masalah yang Malaysia menghadapi ialah bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri boleh bertindak untuk mengatasi masalah-masalah seperti rakyat yang sudah berpuluh-puluh tahun tinggal di Malaysia dan berdedikasi dan berkhidmat dengan negara dan masyarakat ini tetapi kerana mereka tidak ada sijil beranak dan memohon di bawah Form G ini masih tidak boleh dipertimbangkan dari segi perikemanusiaan supaya membolehkan mereka menjadi warganegara Malaysia yang taatsetia dan juga kebanyakan kes-kes yang terlibat ialah warganegara Malaysia yang beristeri bukan warganegara Malaysia sungguhpun mereka sudah kahwin, beranak dan melebihi lima tahun tinggal di Malaysia dan sejak mereka berkahwin mereka mengemukakan permohonan warganegara mereka tetapi sehingga hari ini walaupun berpuluh-puluh kali interview diadakan, dokumen-dokumen diambil tetapi hingga hari ini mereka masih menunggu satu keputusan yang terakhir dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bolehkah perkara ini ditangguh-tangguhkan adalah merupakan satu perkara yang tidak membawakan apa-apa faedah kepada negara kita. Memang ini adalah merupakan keutamaan (privilege) kepada pihak Kerajaan dan bukan merupakan hak daripada pemohon tetapi bolehkah Kerajaan menyalahgunakan hak atau privilege ini untuk menyelesaikan masalah kemanusiaan ini.

Juga kebanyakan rakyat Malaysia yang sudah lama tinggal di Malaysia yang dianggap stateless masih belum dipertimbangkan dari segi perikemanusiaan untuk membolehkan dapat melafazkan taatsetia mereka, membolehkan mereka membuat sumbangan yang

seboleh-bolehnya dalam seumur hidup mereka supaya mereka boleh menjadi warganegara yang berguna terhadap masyarakat kita, saya harap Kerajaan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri boleh mengubahsuaikan dasar kewarganegaraannya.

Memang ini adalah merupakan satu perkara yang sangat sensitif yang ada kaitan dengan politik dan perkauman tetapi yang lebih mustahak ialah Kerajaan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri perlu bersikap lebih rational dan far-sighted untuk mengatasi masalah ini. Kalau Kerajaan hanya menitik-beratkan bahawa ini adalah privilege daripada Kerajaan dan bukan hak daripada pemohon maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya bagaimana perkara ini boleh diselesaikan, bagaimana rakyat Malaysia yang beribu-ribu orang masih tidak dapat diiktiraf sebagai warganegara Malaysia ini tinggal di Malaysia dan menjadi sebagai warganegara yang taatsetia di Malaysia.

Bolehkah Kerajaan mengamalkan satu dasar tidak apa, tidak peduli dan tanpa memperhitungkan masalah, penderitaan dan kerumitan sosial-ekonomi mereka supaya mereka dijerumuskan dalam keadaan yang serba salah dan serba susah. Saya adalah merayu sekali lagi bahawa janganlah Kerajaan masih memperkukuhkan dasarnya bahawa ini adalah merupakan satu privilege Kerajaan bukanlah hak. Apakah bezanya hak dan privilege? Tetapi yang lebih mustahak bukan hak atau keistimewaan, yang lebih mustahak ialah yang terlibat masalah kemanusiaan, ialah satu dasar perikemanusiaan yang perlu diambil sebagai ukuran sebagai dasar Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Janganlah semata-mata berasaskan kepada faktor politik dan perkauman untuk mengan'ayai rakyat Malaysia yang sudah berazam dan membuat satu keputusan mahu melafazkan taatsetia dan mahu mati kepada negara kita dan apa sebab Malaysia sampai hati membiarkan mereka berpuluh-puluh tahun di Malaysia masih tidak dapat satu tempat di mana mereka boleh berteduh di matahari Malaysia pada hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.10 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya bercakap di dalam B. 43 iaitu Pendaftaran Pertubuhan, Aktiviti, (2)—Pendaftaran dan Pengawasan.

Memanglah bagaimana yang dikatakan tadi ramai orang yang akan mati di negara ini kerana negara ini memang negara yang paling aman dan paling banyak mengeluarkan hasil dan ekonomi yang lebih baik daripada negara-negara lain yang ada di sekitar negara kita ini. Demi untuk keadilanlah maka saya minta jika perlu pendaftaran ALIRAN ini ditarik balik. Demi untuk keadilanlah pendaftaran ALIRAN ini patut ditarik balik dan jika perlu patut diharamkan. Kerana kita tidak mahu satu lagi pertubuhan yang lahir di negara kita yang cuba hendak mempengaruhi rakyat dengan fikiran-fikiran dan teori-teori yang hanya bagi pihak yang pandai berteori tetapi tidak pandai untuk menentukan ataupun untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan beban negara. Kerana kita tahu orang-orang akademik sebagaimana yang disebutkan tadi hanya pandai berteori tetapi tidak sama pandai dan bijaknya dengan orang-orang politik yang menentukan kedudukan mereka sebagai seorang ahli akademik. Kerana mereka itu tidak mempunyai tanggungjawab hanya untuk tanggungjawab berfikir dan mengeluarkan sesuatu. Kita tidak mahu fikiran rakyat kita diracuni dengan fikiran orang yang pandai membuat teori sahaja.

Kita dengan banyak pencyarah-pencyarah mempengaruhi pelajar-pelajar itu melalui pengajarannya dengan pelajaran akademik dan mengeluarkan teori dan pendapat yang banyak daripada buku-buku dengan tujuan untuk melaksanakan fikiranannya di dalam negara ini yang mereka anggap sesuatu yang terdapat di dalam apa yang difikirkannya adalah sesuai dengan apa yang sepatutnya ada di dalam negara kita. Kerana negara kita merupakan negara yang berbilang kaum dan tiap-tiap satu kaum itu adalah mempunyai fikiran yang berlainan dan pendapat yang berlainan. Sebab itulah sebagaimana saya katakan tadi demi untuk keadilan maka ALIRAN ini patutlah ditarik balik pendaftarannya, kerana satu daripada perkara yang menarik ialah apabila ALIRAN ini meminta supaya tujuannya, dengan izin, "with the aspiration of the Rukunegara" ditukar

kepada "with universal ethical values" bermakna untuk menarik balik daripada inspirasinya untuk tujuan Rukunegara kepada "with universal ethical values" yang saya rasa perkara ini seolah-olah ALIRAN ini tidak menyukai Rukunegara yang ada di dalam negara kita sebagaimana yang kita anggap mereka ini tidak akan mematuhi kepada Rukunegara.

Jadi dengan sebab-sebab inilah maka saya memberi pendapat bahawa ALIRAN ini patut ditarik balik pendaftarannya. Kita tidak mahu menunjukkan yang kita ini sebuah negara demokrasi kepada orang-orang yang tidak akan faham dan tidak akan tahu menggunakan demokrasi dan kebebasan yang diberikan kepada mereka. Dan mereka itu tidak akan menyedari dirinya, apakah dengan demokrasi yang ada, dengan demokrasi yang kita bentuk selama ini mereka dapat menjadikan seorang pemimpin dan seorang berfikiran, seorang yang berdemokrasi sebagaimana yang ada itu. Jadi kalau sekiranya demokrasi ini diberi kepada orang yang tidak bertanggungjawab, demokrasi ini diberi kepada parti-parti Pembangkang, saya rasa demokrasi negara ini akan mati apabila kita melihat tingkah laku mereka yang ada di negara ini semasa mereka menjadi Pembangkang.

Tuan Pengerusi, sebab itulah apabila kita membincangkan soal demokrasi ini, kita kena lihat apa yang wujud di dalam negara sekarang ini. Oleh itu berasas kepada demokrasi-lah maka pendaftaran ALIRAN ini juga patut diharamkan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh kepada Butiran yang sama berkenaan dengan pertubuhan ABIM.

Kita dapati sekarang ini ABIM sebagaimana yang kita tahu dengan namanya adalah belia Islam. Tetapi saya menyokong penuh pihak Pendaftar ini mencegah daripada pertubuhan ini membuat perhubungan dengan luar negeri sebagaimana yang dilakukan itu. Dan jika ini berkesan bermakna inilah yang sebenarnya kerja Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Kerana kita tidak mahu pertubuhan yang kecil seperti ini membuat perhubungan dengan sewenang-wenang dengan negara-negara asing lebih-lebih lagi mereka ini membuat hubungan dan sebaliknya cuba hendak mencari dasar negara kita, politik negara kita dengan pendapat-pendapat yang diterima daripada pertubuhan-pertubuhan yang mereka

hubungi iaitu pertubuhan luar negeri dan kita tidak hairan kalau pertubuhan luar negeri ini banyak yang cuba hendak menghancurkan negara ini, kerana ini tabiat negara-negara di mana sekalipun tidak akan senang melihat sesebuah negara itu aman, makmur dan juga banyak negara-negara akan kagum dengan negara kita dengan penduduknya berbilang bangsa seperti ini di mana kita dapat duduk aman dan juga dapat menikmati ekonomi yang baik dan juga dapat menikmati suasana yang tidak pernah dirasakan oleh negara lain di sekitar Tenggara Asia dan juga kawasan-kawasan yang dianggapkan baik oleh mereka ini.

Oleh itu, kita dapati kegiatan ABIM sekarang ini telah terpesong daripada landasan asalnya walaupun pada mulanya dengan tujuan untuk memberi kepimpinan dan menghayati Islam kepada belia-belia kita tetapi di dalam usrah-usrah, di dalam ajaran-ajarannya banyak memberi ajaran yang salah dan fahaman yang tidak betul dan yang paling sedih sekali cuba hendak menanamkan perasaan membenci Kerajaan dan mencaci Kerajaan seolah-olah mereka itulah merupai pendapat yang betul dengan ajaran yang baik. Jadi jikalau begini sebuah pertubuhan di dalam negara kita walaupun mereka tidak menyebutkannya mereka ini berpolitik, tetapi ini adalah tidak sewajarnya. Dan pertubuhan seperti ini kalau di negara lain saya tidak tahu, negara kita baik; tetapi kalau negara lain sudah tentu lama telah diharamkan. Bukan sahaja ALIRAN tetapi juga ABIM sudah lama diharamkan. Kerana ia cuba hendak menyentuh dan mengajar Kerajaan.

Tuan Pengerusi, kita banyak melihat pemimpin-pemimpin sekarang ini kebanyakannya telah menyokong sebuah parti politik yang dengan terang-terang saya katakan parti ini telah memeralatkan Islam dengan bertopengkan Islam, jadi pemimpinnya banyak daripada peringkat cawangan, peringkat rantingnya hingga peringkat atas dan dia tidak akan menerima ahli-ahli daripada orang yang menganuti parti lain daripada parti yang bertopengkan Islam. Inilah perkara-perkara yang menyedihkan dan mesyuaratnya diadakan secara sulit-sulit dan saya rasa mereka tidak pernah menghantar minit mesyuaratnya kepada Pendaftar Pertubuhan. Dan ini satu daripada sebab maka ABIM patut diharamkan juga.

Jadi oleh sebab semua pemimpinnya itu merupakan satu fahaman politik seperti yang saya sebutkan tadi maka daripada peringkat bawah hingga ke atas maka mereka ini memeralatkan pertubuhan ini dengan berselindung di sebalik pertubuhan ini untuk kepentingan parti itu. Lainlah selain daripada mereka itu telah diperalatkan oleh parti politik yang bertopengkan Islam tadi.

Dan akhirnya dalam Butiran yang sama iaitu nama parti politik dan juga nama-nama pertubuhan. Saya sekali lagi menegaskan walaupun telah berkali-kali, saya mintalah, janganlah perkataan ugama ini diterima, nama-nama ugama diterima untuk dijadikan nama parti politik ataupun sebarang nama pertubuhan. Kerana apabila disalah gunakan, seolah-olah apabila mereka itu dinamakan parti Islam maka Islam itu hak mereka. Seolah-olah orang lain itu tidak bertanggungjawab. Pada hal Islam ini adalah hak kita semua, hak siapa sahaja umat Islam yang ada di seluruh dunia ini.

Sekali lagi saya menyatakan bahawa Islam ini hendaklah diharamkan daripada digunakan sebagai nama sebarang parti politik atau sebarang pertubuhan dan ini telah beberapa kali saya tegaskan di dalam Dewan ini, Kerajaan tidak akan takut-takut dengan keadaan seperti ini, kerana kalau masih berleluasa, ia akan timbul pula untuk dicampur adukkan dengan dasar-dasar politiknya dengan dasar-dasar Islam seolah-olah hukum-hukum Islam itu adalah hukum mereka, hak mereka, sebab itulah timbulnya ajaran-ajaran salah dan hukum-hukum yang tidak betul di dalam Islam.

Sekali lagi saya menegaskan bahawa sebarang pertubuhan yang bertunas, sebarang apa gerakan yang cuba hendak bertunas dan cuba hendak mencari Kerajaan sebagai sebuah negara demokrasi yang muda dan baru ini patut diharamkan. Ini demi untuk kepentingan keadilan orang ramai bukan keadilan sege-lintir manusia. Demi kepentingan orang ramai, demi untuk keadilan orang ramai, demi untuk keadilan di antara semua kaum yang ada di dalam negara ini maka pengharman pertubuhan yang cuba hendak mencetuskan perkara-perkara dan teori-teori yang tidak baik di dalam negara ini patutlah dihapuskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kangar.

6.20 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, B. 41—Polis Di Raja Malaysia. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana Polis telah menjalankan peranan yang penting untuk negara kita dalam aman dan makmur.

Di sini saya suka bangkitkan sekali lagi walaupun telah dibangkitkan berkali-kali dan perkara ini, Tuan Pengerusi, telah dijanjikan oleh pihak yang berkenaan iaitu Ketua Polis Negeri. Dalam negara kita Malaysia ada 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan, semuanya ada Ketua Polis Negeri masing-masing kecuali Perlis sebuah negeri yang tidak ada Ketua Polis Negeri. Saya tidak kata Pejabat Polis Persekutuan tidak mengambil berat sebab tidak ada Ketua Polis Negeri tetapi sebagai tangga yang setahu saya daripada daerah pergi ke negeri. Jadi kalaulah macam di Perlis perkara itu hendak dibawa ke negeri misalnya, satu kuasa yang tidak boleh diluluskan melainkan dengan Ketua Polis Negeri, maka terpaksa apa pun kena dibawa kepada Ketua Polis Kedah/Perlis dan tidak boleh hendak direct atau terus kepada Kuala Lumpur kerana kuasa itu tersekat. Sekali lagi saya merayu biarlah pangkat yang berpatutan dengan negeri yang kecil kerana ini telah dijanjikan berkali-kali, janganlah janji tinggal janji. Kalau kecil cara kecil tetapi bertanggungjawab ketuanya hendaklah ada. Itu adat negara kita. Tiap-tiap satu keluarga ada ketuanya masakan Perlis berdampingan dengan ketua di tempat lain, biarlah terus dengan ketua pusatnya iaitu Persekutuan—Ibu Pejabat Polis Malaysia.

Kedua, Tuan Pengerusi, berbalik kepada Polis Di Raja ini saya berpendapat Polis ini tanggungjawabnya banyak. Kadangkala semasa kecemasan dan malapetaka sebagaimana kita tahu di Batu Pahat, Polislah tempat menjadi satu sasaran hebat dengan dakyah palsu yang dibuat oleh setengah pihak yang tidak bertanggungjawab, maka Polis menjadi mangsa baikpun pasukan itu yang ada dalam negara kita sendiri sebagaimana berlaku di Batu Pahat apatah lagi tempat-tempat negara luar yang hendak mengancam kita selain daripada pasukan keselamatan, askar maka Polislah menjadi satu target untuk diburu ataupun dikorbankan oleh siapa yang akan memerintah negara kita kerana Polis ialah pegawai keselamatan.

Kalau pegawai keselamatan tidak berhati-hati senangnya orang hendak mencerooboh negari kita untuk mengambil tempat. Maka dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, kepada Polis ini patutlah diambil perhatian dengan cara serius tentang gaji dan sebagainya dinaikkan. Cuba kita tinjau gaji Polis, saya tidak kata gaji guru tidak patut dinaikkan tetapi ini bandingan. Di kawasan saya Kangar, sekolah kebangsaan rendah ialah 25 buah sedangkan balai polis 5 buah, ini contoh balai dengan sekolah kebangsaan selain daripada sekolah menengah kesemuanya 31 buah. Gaji Guru Besar Tingkat "C" sekolah kebangsaan \$1,040 "B" lebih lagi, "A" sampai \$1,250 begitulah kalau tidak silap saya. Sedangkan gaji seorang Ketua Balai Polis Daerah ataupun OCS (Sarjan) gajinya paling tinggi kalau tidak silap saya ialah sebanyak \$890 sedangkan tugasnya seperti mana saya katakan tadi menjaga 5 balai polis seluruh kawasan Kangar yang termasuk tanggungjawab menjaga budak kecil, orang tua asalkan hendak buat kacaubilau Polislah orang yang bertanggungjawab menyelamatkannya. Sedangkan guru—saya tidak kata turunkan gaji guru—tetapi saya bandingkan, guru bertanggungjawab kepada anak murid selain daripada mutu, tetapi Polis menjaga segala-galanya, inilah yang saya dukacitakan. Ada orang kata Polis ini drebar lori beri 6 kupang pun ambil (*Ketawa*) tetapi kita tidak fikir langsung.

**Tuan Pengerusi:** "Kupang" ini di mana dipakai?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** 6 kupang ini, Tuan Pengerusi, pakai huruf ringkas 50 atau 60 sen.

**Tuan Pengerusi:** Cakap sen di sini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, 60 sen, Tuan Pengerusi, Walaupun 50 sen tidak peduli dia ambil. Saya tak tahu betul atau tidak, tetapi tidak difikirkan tanggungjawab dan tugas Polis. Sebagai Polis biasa gajinya yang paling tinggi setahu saya \$680. Koprak \$780, kalau hendak banding dengan tugas lain yang tidak sepenuh masa lebih tinggi daripada itu. Saya merayulah, Tuan Pengerusi, kepada Kementerian yang berkenaan mengkaji semula dan menaikkan sekurang-kurangnya kalau boleh mengikut pendapat yang biasa itu konstabal \$800, Koperak \$900 dan Sarjan yang menjadi OCS jangan kurang daripada \$1,040. Itu harapan saya. Saya harap sangat-sangatlah rayuan saya ini patut diterima oleh pihak

yang berkenaan kerana pegawai keselamatan kalau dirinyapun tidak selamat bagaimana hendak jaga orang selamat. Ini patut kita fikirkan.

Tuan Pengerusi, masa pendek maka saya bercakap serba ringkas berkenaan dengan apa yang dicakapkan oleh kawan-kawan saya tadi sedikit sebanyak saya sentuh iaitu keselamatan sempadan. Saya berharaplah pihak keselamatan sempadan patut ditambahkan ahlinya lagi. Kita tahu kalau sempadan sebagai pintu rumah masuk, misalnya, air masuk relong—atau dalam petak—Tuan Pengerusi, saya gunakan perkataan “petak” supaya Tuan Pengerusi faham, dalam benda-benda orang Kelantan kata “kolek”, air masuk melalui gelong tidak banjir. Jadi keadaan negara kitapun dia masuk mengikut sempadan, jadi sempadan juga hendaklah dijaga dengan rapi. Dengan sebab itu banyak pasukan di sempadan UPP baik, UKK baik tetapi saya harap satu kalau boleh sebelum dihantar pergi bertugas diadakan satu kursus sivik. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang muda dan aktif saya percaya boleh uruskan hal ini walaupun sebagai Timbalan Menteri semangat ugama dan sebagainya ada. Selain daripada tanggungjawab satu perasaan sivik yang peri kemanusiaan—maksud saya yang salah mesti ditangkap tetapi cara peri kemanusiaan itu ada. Janganlah kesalahan dua gantang beras diambil tindakan, seguni beras dilepaskan, ini bukan semua tetapi ada satu dua. Kalau boleh saya harap jangan dilamakan sangat seseorang itu di tempat itu, paling lama misalnya setahun, lepas itu ditukarkan. Bila tukar orang pun bagus. Buat kata orang kalau duduk satu tempat lama macam kata pepatah “mata berpandangan budi kedapatan”, bila sudah jadi budi masalah itu payah. Jadi sebab itu saya harap kalau boleh ditukarkan selalu dan sebelum dihantar bertugas diberi kursus macam mana saya katakan tadi, kerana selain daripada menjaga keselamatan cara peri kemanusiaan perlu bagi manusia. Undang-undang itu kalau dia hukum satu benda dia tengok keadaan baharulah dia hukum. Itu saya harap sangat-sangat.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga dalam B. 40 ini perkara RELA. Saya bersetuju dengan kawan saya supaya RELA ditambah

lagi tetapi biar mutunya itu betul. Mutu itu hendaklah baik. Ada setengah RELA kita tahu dia hendak mendapat lesen senapang lebih penting dan lebih mudah kalau orang itu masuk RELA. Maka manusia yang tidak taat kepada negara kerana hendak dapat sepucuk senapang diapun masuk RELA walaupun dia bukan taat setia, jadi ini kaji dahulu. Biarlah mutu RELA itu baik walaupun kita hendak banyak, di samping itu kalau kita hendak elauun saya selalu bercakap RELA inipun berilah, tetapi biarlah ada aktiviti, jangan ditubuhkan satu unit lepas itu mati. Kalau kita minta elauun serba-serbi, RELA tidak minta elauun tidak patut, Tuan Pengerusi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, Peperangan Saraf yang mana ini mustahak dan satu perkara yang cukup penting, kerana dalam masyarakat kita kalau senapang orang bawa kita nampak, tetapi kalau dakyah-dakyah yang tidak bertanggungjawab, Tuan Pengerusi, kita tidak nampak melainkan Peperangan Saraf inilah tempat yang boleh kita minta tolong bagi kita memerangi manusia selain daripada kita beri kerjasama, kalaulah tuantuan dengar satu benda yang tidak bertanggungjawab seperti berlaku di Batu Pahat dapatlah kita ambil tindakan di atas rancangan Peperangan Saraf yang kita jalankan di merata-rata kampung dan merata-rata mukim. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, ini tidak berhenti-henti nampaknya.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Jadi Peperangan Saraf ini, saya harap biarlah banyakkann lagi peruntukannya. Dengan ini, saya menyokong apa yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak menunggu full stop tetapi tak ada full stop nampaknya (*Ketawa*).

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 28hb November, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*